

DARIPADA Uthman bin Affan Radiallahuanhu, Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sebaik-baik kamu ialah yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya (ilmu Al-Quran)." (Hadis Riwayat al-Bukhari)

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.06 | SUBUH 5.16 | SYURUK 6.36 | DUHA 7.00 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.43 Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 13 | 31 JANUARI 2026 / 1447 شعبان 12 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

## MEMASTIKAN KEBERKESANAN KELAS AL-QURAN, MUQADDAM BERJALAN DENGAN TERATUR

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

RIMBA, Jumaat, 30 Januari. - Masjid berperanan sebagai pusat ibadah dan institusi penting dalam pembangunan ilmu serta pembentukan rohani umat Islam.

Selain menjadi tempat melaksanakan ibadah seperti sembahyang dan zikir, masjid turut berfungsi sebagai pusat pembelajaran agama yang berterusan, khususnya melalui pelaksanaan Kelas Al-Quran dan Muqaddam.

Sehubungan itu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman pagi tadi mengadakan lawatan kerja ke Kelas Al-Quran dan Muqaddam berlangsung di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, di sini.

Dalam temu bual bersama media, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan sistem pendidikan agama secara formalnya dilaksanakan di sekolah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan lawatan kerja ke Kelas Al-Quran dan Muqaddam yang berlangsung di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

agama khas, kemudian di sekolah-sekolah rendah dan menengah, di mana mata pelajaran agama diajarkan secara khusus termasuk dalam sistem pendidikan integrasi.

>> Muka 3

## Ketetapan merukyah anak bulan Ramadan

Berita : Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Januari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam dengan ini memaklumkan kepada orang ramai terutama umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam dengan ini

memaklumkan bahawa Nisfu Syaaban bagi Tahun 1447 Hijrah jatuh pada petang Isnin malam Selasa, 2 Februari 2026 Masihi.

Berikutan dengan itu juga ketetapan bagi merukyah hilal Ramadan bagi Tahun 1447H akan dilakukan pada petang Selasa, 29 Syaaban 1447H bersamaan 17 Februari 2026M di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku Daerah Brunei dan Muara, Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara Daerah Brunei dan Muara, Bukit Agok Jerudong Daerah Brunei dan Muara, Bangunan Hilal Bukit Ambog Daerah Tutong dan Bangunan Hilal Bukit Lumut Daerah Belait.

## Membina ekosistem pelancongan berdaya tahan, inklusif, bersedia masa hadapan

Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Pelancongan

CEBU, Jumaat, 30 Januari. - Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN Ke-29 (M-ATM Ke-29) dan Mesyuarat Berkaitan, bersempena dengan Forum Pelancongan ASEAN 2026 (ATF 2026) telah diadakan pada 29 hingga 30 Januari 2026 di Cebu, Republik Filipina.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; dan pegawai-pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan.

>> Muka 5



## Berita Utama



MEMACU keterhubungan pengangkutan, infokomunikasi secara inklusif

Muka 6



PESTA Pengguna, Ekspo Perdagangan Ke-32 dirasmikan

Muka 7



MENGUKUHKAN kesejahteraan, kesihatan mental di tempat kerja

Muka 9



PROGRAM WISE serlah semangat juang warga emas dukung Wawasan Brunei 2035

Muka 27

## NBD, UK tingkatkan kerjasama dalam peralihan tenaga, peluang pekerjaan

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 30 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) berusaha untuk mempertingkatkan kefahaman serta bertukar pandangan dengan Kerajaan United Kingdom (UK) dan pelbagai pihak berkepentingan mengenai bagaimana peralihan global ke arah sumber tenaga baharu dapat diurus secara seimbang dan bertanggungjawab, di samping melindungi pekerjaan, mengekalkan keselamatan tenaga serta mewujudkan peluang baharu untuk rakyat NBD.

Sebagai sebahagian daripada Dialog Strategik Brunei Darussalam-UK di bawah Rangka Kerja Ekonomi Hijau Brunei, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, mengetuai satu siri penglibatan bersama pembuat dasar kanan, ahli akademik, firma perkhidmatan profesional serta pakar industri.

>> Muka 4

# Sembahyang asas pembentukan modal insan cemerlang, ukuran kejayaan

**Bismillah Hirrahmaan Nirraheem. Alhamdulillah Hi Rabbil 'Alameen, Wabihi Nasta'inu Ala Umuriddunya Waddin, Wassalatu Wasallamu 'Ala Asyrafil Ambiyaa Iwal Mursaleen. Saiyidina Muhammadin Wa'ala Aalihi Wasahbihi Ajma'een.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

**M**ENGADAP Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Alhamdulillah disembahkan bahawa kita senegara dapat meneruskan sambutan hari-hari bersejarah dalam agama kita. Ia telah menjadi tradisi yang baik dalam usaha Kerajaan mensyiarkan agama rasmi negara iaitu agama Islam yang menjadi pedoman dalam kehidupan bernegara dan berpemerintahan beraja pimpinan bijaksana, berwawasan dan berwibawa Paduka Ayahanda Duli Tuanku, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji 'Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Baginda tidak dapat hadir menyerikan majlis ini seperti yang lazimnya kerana sebab tertentu yang telah diketahui menerusi maklumat dalam pengumuman khas baru-baru ini iaitu untuk menjalani rawatan di

JPMC mulai esok Ahad 18 hari bulan.

Bagaimana pun baginda telah bertitah kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya Duli Tuanku hadir berangkat ke majlis ini dan seterusnya akan menyampaikan sabda.

Oleh yang demikian maka abis hamba Duli Tuanku sekalian penganjur Majlis Sambutan Israk Mikraj ini iaitu bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Kesihatan serta sebuah syarikat telekomunikasi iaitu Progresif dengan penuh hormat lagi takzim menyembahkan sembah junjung kasih atas perkenan Duli Tuanku berangkat menyerikan majlis yang berkebijakan ini.

Dalam masa yang sama juga disembahkan bahawa abis hamba Duli Tuanku, sebagaimana jua para hadirin sekalian dan orang ramai di luar sana rakyat dan penduduk yang taat setia mengasahi dan menjunjung tinggi kepimpinan baginda adalah turut mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala melindungi baginda dengan selamat semasa menjalani prosedur rawatan dan seterusnya mengurniakan pemulihan kesihatan yang segera serta keafiatan yang berkepanjangan untuk kekal karar di atas takhta, 'adil berdaulat menaungi nusa, memimpin rakyat kekal bahagia'

Allahumma aamiin ya! Rab al-'Aalamiin...

Seterusnya disembahkan bahawa Sambutan Israk Mikraj yang dianjurkan ini adalah bertemakan Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang. Iaitu selaras dengan signifikan peristiwa bersejarah Nabi Muhammad Junjungan kita Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di/sraa'kan oleh

Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana disebutkan dalam firman-Nya, ayat pertama Surah al-Isra', kemudian dari Masjid Al-Aqsa Baginda di/Me'rajkan sampai ke Sidratul Muntaha.

Maka dengan itu penganjur sambutan dan peringatan adalah merupakan ruang yang luas untuk meraih pengajaran dan memanfaatkannya bagi menambahkan pengetahuan dan kefahaman dalam mengamalkan ajaran-ajaran Islam.

Terutama sekali dalam konteks dasar dan program Kerajaan seperti usaha yang berterusan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti, yang cemerlang melalui pendidikan dan sebagainya.

Maka ibadat sembahyang yang merupakan perbuatan untuk dilaksanakan dengan sempurna adalah pendidikan atau latihan untuk seseorang bekerja, berusaha dengan rajin dan tekun.

Dalam ajaran Islam, hal yang sedemikian itu dihubungkan dengan nilai atau mutu seseorang yang dikasahi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat kasih sayang-Nya, iaitu sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, hadis riwayat Tabrani bermaksud "Sesungguhnya Allah 'Azza Wa Jalla kasih apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan hendaklah buat secara tekun (bersungguh-sungguh / sempurna)."

Dengan demikian hadis Baginda ini adalah merujuk juga kepada melahirkan modal insan yang berjaya dengan cemerlang menerusi rajin dan tekun mengerjakan suruhan dan melaksanakannya dengan sempurna iaitu melalui amal ibadat sembahyang yang dilaksanakan dengan sempurna.















**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman semasa berucap pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah pada Sabtu, 17 Januari 2026 bertempat di Dewan Plenary Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

Seterusnya dalam konteks orang yang berjaya pula sembahyang itu juga jadi ukuran nilai atau mutu bagi menentukan seseorang itu orang yang akan berjaya dan sedang beroleh kejayaan cemerlang. Firman Allah Subhanahu Wata'ala, di awal Surah al-Mu'minun yang berbunyi "Sesungguhnya berjaya orang-orang yang beriman. (Iaitu) orang-orang yang khusus dalam sembahyang mereka" jelas sekali menyebutkan sedemikian.

>> Muka 4

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
31	SABTU	12	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
1	AHAD	13	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
2	ISNIN	14	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
3	SELASA	15	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
4	RABU	16	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
5	KHAMIS	17	5.06	5.16	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
6	JUMAAT	18	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 31 24 °C 	31 24 °C 	30 24 °C 	
Pekan Bangar 31 24 °C 	30 23 °C 	30 23 °C 	
Pekan Tutong 31 24 °C 	31 24 °C 	30 23 °C 	
Kuala Belait 31 24 °C 	31 24 °C 	30 23 °C 	

Wallahualam Bissawab  
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 31 JANUARI 2025

# Perbanyakkan amalan di bulan Syaaban

**S**YAABAN merupakan salah satu bulan yang mempunyai keistimewaan di dalam Islam. Keadaan ini samalah juga dengan bulan Rejab dan Ramadan yang mempunyai kelebihan yang tersendiri, sehingga menyebabkan kehadirannya sentiasa dinantikan.

Sepertimana yang ditekankan dalam Khutbah Jumaat minggu ini, apabila tiba saja bulan Syaaban, antara perkara yang sering kali terjadi ialah sesetengah individu yang masih berhutang puasa akan bergegas-gegas untuk mengqada puasa mereka di bulan ini. Justeru, sekiranya kita masih mempunyai puasa Ramadan yang belum lagi qada, maka qadalah hutang-hutang puasa itu semasa kita masih mampu, sihat dan bertenaga sebelum tibanya bulan Ramadan.

Sesungguhnya puasa Ramadan yang ditinggalkan adalah wajib qada sebanyak hari yang ditinggalkan itu. Kewajipan mengqada puasa itu tidak kira sama ada puasa itu ditinggalkan dengan sengaja ataupun kerana keuzuran kecuali orang-orang yang benar-benar tidak berdaya mengerjakannya seperti orang sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh. Maka mereka ini tidak diwajibkan mengqada puasa yang ditinggalkan itu, akan tetapi wajib membayar fidyah sebagai ganti puasa yang ditinggalkan.

Perlu diketahui, bahawa perbuatan melengah-lengahkan qada puasa tanpa keuzuran sehingga datang Ramadan yang berikutnya maka diwajibkan ke atasnya mengqada puasa tersebut dan membayar fidyah. Jika dia tidak mengqadanya juga sehingga datang lagi Ramadan yang seterusnya, maka diwajibkan ke atasnya membayar fidyah dua kali ganda bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan. Ini bererti dia wajib mengqada satu hari puasa berserta fidyah dua cupak beras. Fidyah itu akan terus berganda dari tahun ke tahun selagi dia belum habis menyempurnakan qada puasanya. Akan tetapi qada puasanya itu tidaklah berganda sebagaimana fidyah.

Selain dari memperbanyak puasa sunat, antara amalan-amalan lain yang digalakkan untuk kita melakukannya dalam bulan Syaaban ialah bertaubat dan beristighfar. Sesungguhnya perintah taubat dan istighfar itu bukan hanya bagi orang yang berbuat maksiat dan berbuat dosa, malah kita semua adalah dituntut untuk sentiasa bertaubat dan beristighfar.

Begitu juga dengan perkara doa. Ingatlah bahawa doa itu boleh dilakukan tanpa mengira tempat dan masa. Sesungguhnya doa itu ialah memohon sesuatu hajat ataupun perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan cara merendahkan diri dan tawaduk kepada-Nya.

Marilah kita sama-sama sentiasa berusaha mempertingkatkan amal ibadah dan amal kebajikan di bulan Syaaban yang mulia ini semata-mata untuk mendapatkan berkat, rahmat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

– **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجیتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Memastikan keberkesanan kelas Al-Quran, Muqaddam berjalan dengan teratur



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan lawatan ke Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Rimba bagi meninjau secara langsung sesi pengajaran dan pembelajaran Kelas Al-Quran dan Muqaddam yang dilaksanakan di masjid berkenaan (atas dan kanan).



>> Muka 1

"Di manapun murid-murid ini belajar di masjid-masjid ia sebagai tambahan, membantu pembelajaran di sekolah-sekolah, baik di peringkat integrasi mahupun di sekolah-sekolah agama.

"Ini menunjukkan kesedaran ibu bapa yang mahukan anak-anak mereka belajar agama dengan sempurna, apa yang dipelajari di sekolah umum ditambah lagi dengan sekolah agama semuanya untuk kesempurnaan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut memuji inisiatif masjid dalam mengungkapkayahkan kelas-kelas Muqaddam (Iqra) dan Al-Quran, selain turut mengajarkan amali sebagai tambahan.

Justeru tambahnya, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kerajaan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengalu-alukan dan memuji usaha baik dan kesedaran ibu bapa serta keluarga yang menghantar anak-anak mereka mengikuti kelas-kelas tambahan di masjid-masjid yang turut menunjukkan jumlah peningkatan yang sangat drastik setiap tahun.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan KHEU; Ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah serta murid-murid kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Rimba.

Lawatan kerja tersebut bertujuan meninjau secara langsung terhadap sesi

pengajaran dan pembelajaran Kelas Al-Quran dan Muqaddam yang dilaksanakan di masjid berkenaan, di samping memastikan pelaksanaan kelas berjalan dengan teratur, berkesan serta selaras dengan matlamat pemerkasaan pendidikan Al-Quran di negara ini.

Sesi pembelajaran Kelas Al-Quran dan Muqaddam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh murid-murid dengan bimbingan tenaga pengajar masjid.

Yang Berhormat seterusnya meninjau halaqah-halaqah pembelajaran seperti kaedah pengajaran, penglibatan murid serta suasana pembelajaran yang dijalankan.

Jumlah keseluruhan murid yang mendaftar untuk mengikuti kelas Al-Quran dan Muqaddam di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Rimba meningkat dari tahun ke tahun,

yang mana bagi tahun 2024 adalah seramai 319 orang, dan tahun 2025 seramai 494 orang.

Pada tahun 2026 ini sahaja, jumlah keseluruhan murid yang berdaftar mengikuti Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid tersebut adalah 604 orang murid dengan pecahan bagi Kelas Al-Quran seramai 202 orang iaitu 97 murid lelaki dan 105 murid perempuan.

Manakala bagi Kelas Muqaddam seramai 402 orang iaitu 157 murid lelaki dan 245 murid perempuan, sementara jumlah tenaga pengajar bagi dua kelas berkenaan adalah 24 orang terdiri daripada 12 guru lelaki dan 12 guru perempuan.

Kelas Al-Quran dan Muqaddam yang diadakan pada setiap Jumaat dari pukul 8.00 hingga 10.00 pagi di masjid-masjid seluruh negara berperanan sebagai sokongan penting kepada pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah

rendah, khususnya dalam mata pelajaran Al-Quran, bukan sahaja sebagai pelengkap sistem persekolahan formal malah sebagai rakan strategik dalam membentuk generasi celik Al-Quran, berakhlak mulia dan berteraskan nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Melalui kaedah talaqqi dan musyafahah, murid-murid dibimbing secara langsung bagi memastikan bacaan yang betul serta diberi ruang pembelajaran tambahan untuk mengukuhkan kemahiran membaca, di samping menekankan aspek tarbiah dan ruhiyyah seperti kecintaan kepada Al-Quran, adab terhadap guru dan penghayatan ibadah, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan KHEU dalam memperkukuhkan pengimarahkan masjid dan pemerkasaan pendidikan Al-Quran secara bersepadu dan berkesan.

## TIADA KES JANGKITAN VIRUS NIPAH DI NBD

■ **Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai situasi terkini jangkitan Virus Nipah di Negara Brunei Darussalam (NBD) berikutan laporan pengesanan kes di negara Republik India baru-baru ini.

Jangkitan Virus Nipah ialah sejenis penyakit zoonotik yang dibawa oleh beberapa haiwan seperti kelawar jenis Pteropus (*fruit bat*) dan juga khinzir. Jangkitan berlaku melalui makanan seperti buah-buahan yang telah terdedah kepada cecair daripada haiwan tersebut. Selain itu, seseorang itu juga boleh dijangkiti melalui kontak rapat dengan individu yang telah dijangkiti.

Wabak Virus Nipah pertama kali dikesan pada tahun 1999 di Malaysia dan Republik Singapura dan didapati berpunca daripada khinzir yang telah dijangkiti. Walau bagaimanapun, tiada lagi kes dilaporkan di kedua-dua negara tersebut selepas itu.

Akan tetapi, wabak Virus Nipah terus dilaporkan berlaku di Republik Rakyat Bangladesh dan Republik India sejak tahun 2001 yang dipercayai berpunca daripada pendedahan terhadap haiwan iaitu kelawar buah (*fruit bat*) melalui buah-buahan atau air buah nira kurma mentah yang tercemar. Selain itu, jangkitan

terhad sesama individu juga telah dilaporkan. Setakat tahun 2025, sejumlah 347 kes telah dilaporkan di Republik Rakyat Bangladesh dan 107 kes di India.

Symptom awal jangkitan Virus Nipah menyerupai jangkitan virus lain termasuk demam, sakit kepala, sakit otot, muntah, sakit tekak. Jangkitan ini juga boleh menyebabkan keradangan otak (*acute encephalitis*) yang menyebabkan simptom seperti pening kepala, sawan, perubahan terhadap tahap kesedaran seseorang dan juga koma. Selain itu, individu yang dijangkiti juga boleh mengalami kesukaran bernafas.

Jangkitan Virus Nipah mempunyai kadar kematian yang tinggi iaitu antara 40 peratus hingga 75 peratus. Pada masa ini, belum ada vaksin atau rawatan khusus bagi jangkitan Virus Nipah. Rawatan yang diberikan hanyalah sebagai rawatan sokongan.

Setakat 26 Januari 2026, Republik India telah melaporkan lima kes baharu Virus Nipah di negeri West Bengal sejak pertengahan Januari tahun ini. Kesemua kes melibatkan petugas kesihatan. Walau bagaimanapun, hanya dua kes disahkan melalui ujian makmal, manakala keputusan bagi kes lain masih belum diketahui.

Kes-kes tersebut kini berada di bawah pemantauan dan

menerima rawatan rapi dan semua kontak rapat yang dikenal pasti diarahkan menjalani kuarantin. Punca jangkitan masih belum diketahui dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

Alhamdulillah, setakat ini tidak ada kes jangkitan Virus Nipah dilaporkan di NBD. Berdasarkan penilaian risiko oleh WHO, risiko jangkitan kepada NBD pada masa ini adalah pada tahap rendah memandangkan tidak ada penularan yang berterusan (*sustained transmission*) di negara-negara terbabit.

Sebagai langkah pencegahan utama terhadap jangkitan ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan langkah-langkah seperti tidak memakan buah-buahan yang disyaki tercemar iaitu termasuk air buah nira kurma yang mentah, mengelakkan sentuhan dengan haiwan yang kurang sihat dan mengelakkan daripada bersentuhan atau terdedah dengan cecair badan individu yang diketahui atau disyaki terjangkit.

Selain itu, orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi termasuk, Kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer* (terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas atau selepas batuk atau bersin); Amalkan etika batuk dan bersin yang betul, serta memakai

penutup muka (*face mask*) jika awda mempunyai simptom jangkitan pernafasan terutamanya ketika berada di tempat tertutup atau sesak.

Di samping, menutup mulut dengan tisu apabila batuk atau bersin dan segera buang tisu tersebut ke dalam tong sampah; Elakkan dari mendekati orang yang sakit, kurang sihat atau yang menunjukkan tanda-tanda penyakit seperti demam panas, batuk atau sesak nafas; mendapatkan rawatan perubahan segera sekiranya gejala berterusan atau bertambah teruk; dan sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat.

Bagi mereka yang mengunjungi kawasan yang terjejas oleh Virus Nipah adalah dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada dan mengamalkan langkah-langkah

pengecahan kesihatan seperti yang dinyatakan di atas serta memaklumkan sejarah perjalanan mereka kepada petugas kesihatan sekiranya mendapatkan rawatan.

Kementerian Kesihatan sentiasa memantau situasi di dalam negara serta mengikuti perkembangan di peringkat serantau dan global dan akan memastikan kesiapsiagaan berterusan dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Kementerian Kesihatan akan memaklumkan orang ramai dari semasa ke semasa mengenai sebarang perkembangan terkini. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh mengikuti akaun media sosial rasmi Kementerian Kesihatan @mohbrunei atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148.

## Penukaran nama AITI

■ **Siaran Akhbar : Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Januari. - AITI sukacita ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penukaran nama daripada Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam kepada Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI).

Menurut Siaran Akhbar AITI, penukaran nama berkenaan mencerminkan peranan AITI yang semakin berkembang dalam pembangunan industri infokomunikasi Negara Brunei Darussalam serta peluasan mandat sebagai pengawal selia bagi sektor pos dan pihak berkuasa perlindungan data peribadi bagi sektor swasta.

# NBD, UK TINGKATKAN KERJASAMA DALAM PERALIHAN TENAGA, PELUANG PEKERJAAN

**Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Kewangan  
dan Ekonomi**

>> Muka 1

Antara bidang utama yang dibincangkan termasuk laluan peralihan tenaga, pembangunan tenaga solar, pasaran karbon berasaskan alam semula jadi, pemerangkapan dan penggunaan karbon, serta kesan transformasi ekonomi terhadap rakyat NBD.

Perbincangan turut meneliti bagaimana NBD boleh beralih secara berperingkat daripada ekonomi berasaskan minyak dan gas tradisional kepada ekonomi yang lebih dipelbagaikan berasaskan sumber tenaga rendah karbon, di samping memastikan pertumbuhan inklusif, daya saing industri dan ketahanan ekonomi jangka panjang.

Penglibatan tersebut juga meneroka perjalanan NBD dalam pembangunan tenaga solar dan bagaimana pertumbuhan sektor solar dapat menyumbang kepada pembangunan industri, penjaan pekerjaan dan peningkatan kemahiran, di samping membolehkan sumber minyak dan gas disalurkan kepada penggunaan industri bernilai lebih tinggi.

Sebagai sebahagian daripada pertukaran pengetahuan dan dasar, delegasi mengadakan lawatan ke



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa mengadakan perbincangan dengan Rt Hon Minister Chris McDonald MP, Minister for Industry in the Department for Energy Security and Net Zero (DESNZ) dan the Department for Business and Trade (DBT), UK.

Imperial College London dan mengadakan perbincangan di Grantham Institute mengenai Climate Change and the Environment bersama Profesor Ralf Toumi dari Imperial College London.

Perbincangan tersebut memberi tumpuan kepada peranan sains, data dan pembuatan dasar berasaskan bukti dalam menangani perubahan iklim, mengurus risiko peralihan tenaga, serta memperkukuh kerjasama antara kerajaan, akademik dan industri,

termasuk potensi hubungan dengan inisiatif penyelidikan iklim ASEAN.

Sepanjang program di London, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II turut mengadakan perbincangan dengan Menteri Seema Malhotra MP, Rt Hon Menteri Chris McDonald MP, Lord Ed Vaizey, Trade Envoy to Brunei (and Malaysia, Philippines and Singapore) George Freeman MP, dan Sir Charles Bowman, dengan tumpuan kepada

penyelarasan dasar, kesiapsiagaan pelaburan, penyertaan sektor swasta, serta pemanfaatan teknologi dan kepakaran bagi menyokong peralihan ekonomi hijau NBD.

Program tersebut juga merangkumi penglibatan yang dianjurkan oleh UK-ASEAN Business Council, melibatkan perniagaan dan pihak berkepentingan UK, termasuk Trade Envoy to ASEAN dan Republik Indonesia, Naz Shah MP, bagi membincangkan peluang

perdagangan, pelaburan dan ekonomi hijau.

Di samping itu, Yang Berhormat juga mengadakan perjumpaan bersama pelajar NBD di Suruhanjaya Tinggi Brunei di London untuk membincangkan prospek pekerjaan masa hadapan serta persediaan rakyat negara dalam menghadapi cabaran yang dihadapi oleh ekonomi pengeluar minyak dan gas di peringkat global.

Perbincangan tersebut menekankan bahawa industri seperti Brunei Methanol Company, Brunei Fertilizer Industries dan Brunei LNG juga sedang menyesuaikan diri dengan perubahan global dalam teknologi, pasaran dan keperluan kemahiran, sekali gus menegaskan kepentingan kebolehsuaian, peningkatan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat.

Penglibatan di London ini menzahirkan pendekatan proaktif NBD dalam mengharungi peralihan ekonomi dan tenaga global melalui perkongsian maklumat terkini, pembelajaran daripada pengalaman antarabangsa, serta membawa pemain industri ke UK bagi penglibatan yang lebih mendalam, pemahaman praktikal dan pandangan bernilai dalam menyokong perjalanan peralihan NBD.

## Hayati peristiwa Israk, Mikraj

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 29 Januari. – Peristiwa Israk dan Mikraj bukan sekadar kisah perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidilharam ke Masjidil Aqsa, ia merupakan peristiwa penyariatian sembahyang, satu-satunya ibadah yang difardukan secara langsung oleh Allah Subhanahu Wata'ala

tanpa perantaraan wahyu di bumi. Jika ibadah lain disyariatkan di bumi, sembahyang difardukan di Sidratulmuntaha.

Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang' itu disampaikan oleh Penolong Profesor, Dekan Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Kementerian Pendidikan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

(KUPU SB), Dr. Norashibah binti Haji Besar, yang turut menyentuh hikmah-hikmah lain yang terkandung dalam peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Turut diperjelaskan dalam konteks kehidupan serba moden yang berhadapan dengan tekanan, stres, cabaran moral dan krisis nilai, penghayatan makna spiritual Israk Mikraj melalui sembahyang amat penting agar manusia tidak terputus hubungan dengan Allah



**CERAMAH** Khas disampaikan oleh Penolong Profesor, Dekan Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Norashibah binti Haji Besar (atas). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.



Subhanahu Wata'ala.

Ceramah khas ini merupakan kemuncak acara Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Kementerian Pendidikan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang diadakan di Dewan Utama, Kementerian berkenaan petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Pegawai Pendidikan, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Awang Ahmad Busyra bin Haji Matzain.

Acara yang dikendalikan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Urus Setia Majlis Pelajaran Kebangsaan ini merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian dalam memperingati dan menyemarakkan sambutan hari-hari kebesaran Islam, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha-setiausaha Tetap; Naib-naib Canselor; Rektor; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Pendidikan.



## HALUAN

>> Muka 2

Demikianlah disembahkan.

Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini hamba Duli Tuanku dan bagi pihak rakan-rakan serta sahabat-sahabat penganjur - pengendali majlis sambutan ini sekali lagi menyembahkan sembah junjung kasih dihadapan majlis Duli Tuanku.

Abis hamba Duli Tuanku juga menjunjung ampun sekiranya terdapat kekurangan dalam pengendalian. Hamba Duli Tuanku berdoa semoga Duli Tuanku dan seisi Kerabat Duli Tuanku akan sentiasa dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala, dengan rahmat kasih sayang-Nya, sihat sejahtera dan bahagia ceria.

Seterusnya hamba Duli Tuanku menjunjung perkenan untuk menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan kehadiran majlis Paduka-Paduka Seri Adinda Duli Tuanku atas perkenan berangkat ke majlis ini dan sembah junjung kasih juga atas keberangkatan Paduka-Paduka Seri Ayahanda Duli Tuanku.

Seterusnya sembah junjung kasih / terima kasih atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria / kehadiran Yang Berhormat Yang Dipertua (Speaker Dewan) Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Ahli-Ahli Majlis Mengangkat Raja, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam, dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Negara.

Seterusnya, Tuan-Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar negara-negara sahabat, dan Yang Dimuliakan Pehin-Pehin dan Yang Mulia hadirin hadirat yang berbahagia.

Ucapan terima kasih khas kepada semua pihak yang membantu penyempurnaan majlis, terutama sekali yang bertugas di belakang tirai, semua pihak dan liputan siaran radio dan televisyen serta juga media cetak.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan semua sumbangan awda sekalian sebagai amal soleh yang akan mendapat ganjaran baik sekarang di dunia dan esok luas di hari kendila.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wasallamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# 62 PELAJAR BAHARU PROGRAM BIBD ALAF DIRAIKAN

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 30 Januari. - Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) hari ini mengalu-alukan 62 pelajar baharu ke pengambilan ke-13 Program BIBD ALAF, sekali gus mengesahkan kepercayaan terhadap kuasa transformatif pendidikan sebagai asas bagi kemajuan negara dan pembangunan masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, merangkap Pengerusi BIBD.

Turut hadir, para pegawai kanan kerajaan, pihak pengurusan dan kakitangan BIBD, ibu bapa dan penjaga pelajar, serta rakan strategik utama yang terus menyokong visi BIBD untuk

memperkasakan belia Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui pendidikan.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga menyempurnakan Majlis Penyampaian Biasiswa kepada para penerima baharu dan menekankan kepentingan pendidikan sebagai pemacu mobiliti sosial, kemajuan negara, dan kemakmuran bersama.

Pada sesi akademik 2026, Program BIBD ALAF telah berjaya diperluaskan kepada sejumlah 68 buah sekolah di seluruh negara. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 60 buah sekolah berada di bawah pentadbiran Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan.

Manakala, sebanyak tujuh buah

sekolah ditadbir oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, bersama Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah (ITQSHHB).

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri, dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa BIBD ALAF bukan sekadar sebuah program bantuan pembelajaran, tetapi juga inisiatif inklusif serta komprehensif yang menumpukan kepada pembinaan kapasiti pelajar dan memastikan setiap intervensi pendidikan yang diperlukan diberi keutamaan.

Dengan kemasukan pelajar baharu berkenaan, Program BIBD ALAF meneruskan misinya untuk memperkasakan generasi akan datang dengan menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti dan peluang pembangunan holistik.

>> Muka 9



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri merangkap Pengerusi BIBD hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Penyampaian Biasiswa kepada para penerima.



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap pada mesyuarat berkenaan.

>> Muka 1

M-ATM Ke-29 didahului dengan Mesyuarat Pertubuhan Pelancongan Kebangsaan (NTO) ASEAN Ke-63 serta mesyuarat pegawai kanan dengan Rakan Dialog. Mesyuarat berkenaan juga mengetengahkan pemuliharaan pelancongan positif ASEAN, dengan angka awal (144 juta) pelawat menunjukkan trend peningkatan berterusan dalam ketibaan pelancong.

Perkembangan berkenaan disokong oleh langkah-langkah untuk meningkatkan kesalinghubungan, mempelbagaikan tawaran produk pelancongan serta inisiatif pemasaran yang diperkukuh.

Mesyuarat turut mengambil maklum kemajuan Pelan Strategik Pelancongan ASEAN 2016-2025 untuk meletakkan ASEAN sebagai destinasi pelancongan lestari yang berkualiti tinggi. Pencapaian utama termasuk kempen pemasaran pelancongan serantau dan promosi bersama, program pertukaran amalan terbaik dalam Piawai Pelancongan ASEAN, dan pelaksanaan Pengaturan Pengiktirafan Bersama Profesional Pelancongan ASEAN (MRA - TP) untuk meningkatkan daya saing tenaga kerja pelancongan.

Memandangkan ATSP 2016-2025 menghampiri penghujungnya, dengan mengambil kira kepentingan meneruskan kerjasama serta inisiatif pelancongan serantau, mesyuarat berkenaan telah menerima pakai Pelan Sektor Pelancongan ASEAN (ATSP) 2026-2030 dan Strategi Pemasaran Pelancongan ASEAN (ATMS) 2026-2030 untuk membimbing tindakan kolektif, memperkukuh penjenamaan dan pembinaan naratif, serta meningkatkan keterlihatan serantau ASEAN pada tahun-tahun akan datang.

Pelan Sektor Pelancongan

ASEAN akan memberi tumpuan kepada lima bidang tumpuan ke arah pelancongan yang berdaya tahan, pemerkasakan tenaga kerja, perjalanan yang mudah diakses dan lancar, pelancongan digital, kepelbagaian produk dan pasaran, serta usaha kemampuhan.

Mesyuarat berkenaan juga merakamkan penghargaan kepada Rakan Dialog, iaitu Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, Republik India dan Persekutuan Rusia atas sokongan berterusan mereka kepada rantau ini serta mengharapkan sokongan berterusan untuk pelaksanaan berkesan ATSP 2026-2030 dan ATMS 2026-2030.

Semasa mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat menekankan kepentingan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penawaran produk pelancongan, serta kepentingan kerjasama lintas sektor dengan sektor berkaitan, termasuk sektor pengangkutan, untuk meningkatkan penyelarasan dalam pelancongan.

Yang Berhormat juga menekankan penglibatan aktif NBD dengan Rakan Dialog dalam memajukan pertukaran *people-to-people* dan memudahkan cara aliran pelancongan, dengan menzahirkan peranan penting Pusat ASEAN-China, Pusat ASEAN-Jepun, dan Pusat ASEAN-Korea dalam menyokong inisiatif pembinaan kapasiti untuk ASEAN dan NBD, serta program kerjasama yang dirancang untuk 2026.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan NBD akan bekerjasama rapat dengan Pusat-pusat ASEAN untuk membangunkan inisiatif pelancongan berasaskan komuniti dan agropelancongan yang autentik, berunsur pendidikan dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar, di samping memperkukuh

## Membina ekosistem pelancongan berdaya tahan, inklusif, bersedia masa hadapan

strategi dalam meningkatkan destinasi alam semula jadi dan tarikan pelancongan budaya dan warisan NBD ke arah mencapai pengiktirafan antarabangsa.

Persidangan Pelancongan ASEAN, yang diadakan selari dengan Forum Pelancongan ASEAN, telah menyediakan platform untuk membincangkan program dan aktiviti di bawah Pelan Sektor Pelancongan ASEAN (ATSP) 2026-2030.

Perbincangan tertumpu kepada lima bidang keutamaan yang saling berkaitan dan akan memandu pelancongan ASEAN bagi tempoh lima tahun akan datang, iaitu Pelancongan Berdaya Tahan, Perjalanan Mudah Diakses dan Lancar, Pemerkasakan Tenaga Kerja Pelancongan, Pelancongan Digital, serta Keperluan Produk dan Pasaran; dan Pelancongan Lestari.

Dalam intervensinya, Yang Berhormat menegaskan

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan**

kepentingan ATSP sebagai rangka kerja yang praktikal dan berpandangan ke hadapan yang melengkapkan strategi pelancongan negara sambil memperkukuh kerjasama serantau, pembangunan kapasiti dan perkongsian pengetahuan di seluruh ASEAN, terutamanya dalam memajukan kemampuhan, transformasi digital, daya tahan dan pembangunan pelancongan yang berkualiti.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa keutamaan serantau ini sejajar dengan usaha berterusan NBD untuk membangunkan sektor pelancongan berkualiti tinggi yang dipacu pemuliharaan.

Yang Berhormat juga menekankan tumpuan NBD terhadap pelancongan berimpak rendah dan bernilai tinggi,

penyelarasan antara agensi yang diperkukuh, penglibatan komuniti, serta penerapan rangka kerja kemampuhan sebagai pendekatan praktikal yang menyokong objektif ATSP.

Usaha-usaha berkenaan kata Yang Berhormat, dilengkapi dengan penambahbaikan berterusan dalam ketersediaan dan fasilitasi perjalanan, pembangunan kapasiti untuk pihak berkepentingan pelancongan, serta penerapan penyelesaian digital yang bertanggungjawab.

Secara kolektif, Yang Berhormat menjelaskan inisiatif sedemikian menunjukkan bagaimana tindakan kebangsaan dapat memperkukuh matlamat bersama ASEAN untuk membina ekosistem pelancongan serantau yang berdaya tahan, inklusif dan bersedia untuk masa hadapan.

## MoU perkukuh kerjasama pelancongan NBD, Kemboja



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menandatangani MoU bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei Darussalam.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

**CEBU,** Jumaat, 30 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD), melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kerajaan Kemboja, melalui Kementerian Pelancongan, memperkukuhkan kerjasama pelancongan melalui Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei Darussalam dengan Kerajaan

Kemboja mengenai Kerjasama Pelancongan baru-baru ini pada sisi Forum Pelancongan ASEAN 2026 (ATF 2026) di Cebu, Republik Filipina.

Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei Darussalam, MoU tersebut ditandatangani oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Bagi pihak Kerajaan Kemboja ditandatangani oleh Menteri Pelancongan Kerajaan Kemboja, Yang Berhormat Tuan Hout Hak.

MoU ini bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama melalui pertukaran amalan terbaik dan pengalaman dalam pembangunan produk pelancongan serta pembangunan kapasiti, di samping menyokong promosi kedua-dua destinasi melalui inisiatif pemasaran bersama.

Antaranya termasuk lawatan penilaian bersama (*familiarisation trips*), kempen promosi kolaboratif, penyertaan dalam pameran dan acara pelancongan, program perkongsian ilmu dalam pengurusan pelancongan dan pembangunan sumber manusia, serta kerjasama dalam Mesyuarat, Insentif, Sektor Persidangan dan Acara (MICE).

Melalui inisiatif ini, kedua-dua negara berhasrat untuk memposisikan NBD dan Kerajaan Kemboja sebagai destinasi pelancongan yang saling melengkapi dalam ASEAN, yang disokong oleh kerjasama berterusan di bawah rangka kerja dwilateral dan multilateral.

# MEMACU KETERHUBUNGAN PENGANGKUTAN, INFOKOMUNIKASI SECARA INKLUSIF



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 Januari. - Sesi Perjumpaan Muhibah antara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diadakan pada pagi tadi bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC. Rombongan Ahli-ahli MMN diketuai oleh Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam ucapan alu-aluannya memperkenalkan Pelan Strategik baharu MTIC bagi tempoh lima tahun iaitu tahun 2026 hingga 2030, yang juga dikenali sebagai MTIC 2030.

Dengan berakhirnya Pelan Strategik MTIC 2025, jelas Yang Berhormat, MTIC kini berada di satu titik kritikal atau persimpangan yang amat penting untuk menilai semula hala tuju sektor pengangkutan dan infokomunikasi dalam merangka pelan yang lebih bersedia menghadapi era kecerdasan

(*intelligent era*) serta kemunculan teknologi baharu.

Ini juga, ujar Yang Berhormat, bertujuan untuk terus memacu keterhubungan dan ketersambungan dari segi pengangkutan serta infokomunikasi untuk semua secara inklusif, di samping menyahut keperluan dan jangkaan rakyat yang semakin berkembang.

"Maka dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, peramba/saya dengan penuh hormat dan takzim ingin memperkenalkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Baharu MTIC bagi tempoh lima tahun akan datang.

"Penyediaan Pelan Strategik MTIC 2030 ini disusun dengan mengambil kira segala pencapaian, cabaran serta pengajaran, iaitu *lessons learnt* daripada pelaksanaan pelan strategi terdahulu," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, MTIC telah memperbaharui pendekatannya dengan matlamat yang lebih realistik, bertujuan untuk

terus menyejajarkan dengan matlamat dan sasaran jangka panjang seperti yang terkandung dalam Wawasan Brunei 2035, Pelan Induk Negara iaitu National Blueprints serta pelan-pelan tindakan yang berkaitan.

"Selain itu, MTIC 2030 turut melibatkan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan bagi memahami dengan lebih mendalam akan isu dan keperluan rakyat dan negara yang sebenar," kata Yang Berhormat.

Pelan Strategik tersebut juga, kata Yang Berhormat, mengambil kira hasil perbincangan serta cadangan dan buah fikiran daripada Ahli-ahli MMN semasa Permesyuaratan MMN yang lepas.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian Ahli-ahli MMN meluangkan masa menghadiri Sesi Perjumpaan Muhibah tersebut, yang mencerminkan sokongan serta kerjasama erat dalam membentuk hala tuju sektor pengangkutan dan infokomunikasi negara.

Yang Berhormat menegaskan bahawa hala tuju MTIC adalah berpaksikan kepada Wawasan

**SESI Perjumpaan Muhibah antara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC**

Brunei 2035 khususnya melalui penglibatan dalam pelaksanaan Manpower Blueprint, Social Blueprint dan Economic Blueprint, dengan MTIC memainkan peranan sebagai pemudah cara kepada pembangunan modal insan, ekosistem digital, keterhubungan dan perkhidmatan logistik.

Yang Berhormat turut merumuskan kemajuan MTIC sepanjang tahun 2025 antaranya melibatkan aspek keselamatan pengangkutan dan siber, pendigitalan perkhidmatan, pemodenan sistem maritim serta pelaksanaan inisiatif yang menyumbang kepada ekonomi dan peningkatan hasil negara.

Selain itu, Yang Berhormat juga mengongsikan perkembangan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN 12) yang berada di bawah MTIC termasuk status projek perkhidmatan pengangkutan awam.

Rundingan sedang berjalan bersama syarikat yang telah disenarai pendek ke arah pemantapan pelan operasi, struktur pembiayaan serta perangkaan perjanjian perkhidmatan.

Dalam ucapan balas, Yang Berhormat Awang Haji Daud mewakili Ahli-ahli MMN mengucapkan tahniah kepada MTIC atas pelancaran Pelan Strategik baharu kementerian berkenaan iaitu MTIC 2030.

"Pelan ini mencerminkan perancangan yang tersusun, berpandangan jauh dan selari dengan keperluan semasa serta cabaran masa hadapan dalam bidang pengangkutan dan

infokomunikasi.

"Ahli-ahli MMN menyambut baik aspirasi dan fokus strategik yang digariskan khusus dalam usaha memperingkatkan kecekapan perkhidmatan, memanfaatkan teknologi serta memastikan pembangunan yang mampan dan inklusif," kata Yang Berhormat.

Sesi Perjumpaan Muhibah berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Muhd Zakaria bin Haji Mohd Salleh.

Sesi tersebut turut membuka ruang dan kesempatan bagi pertukaran pandangan serta buah fikiran secara terbuka antara MTIC dan Ahli-ahli MMN khususnya dalam merancang langkah-langkah ke hadapan ke arah mencapai cita-cita kemajuan Negara Brunei Darussalam, di samping meneliti cadangan serta pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi terus menyokong visi dan hala tuju kementerian berkenaan.

Rombongan Ahli-ahli MMN juga berkesempatan meninjau pameran maklumat khususnya mengenai Ristaan Utama 2025 yang menumpukan kepada pencapaian MTIC sepanjang tahun 2025, projek-projek RKN 12 di bawah MTIC, Pelan Tindakan Keselamatan Jalan Raya 2030 serta pengenalan Brunei Identiti Digital (BruneiID).

Turut hadir dalam Sesi Perjumpaan Muhibah tersebut ialah Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim; ketua-ketua eksekutif autoriti dan pihak berkuasa; Pesuruhjaya Interim Cyber Security Brunei (CSB), pengarah-pengarah jabatan, ketua-ketua bahagian dan unit; serta pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

## Perasmian Santai De Indoor 2.0



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 30 Januari. - Majlis Perasmian Santai De Indoor 2.0 telah diadakan di Kawasan Letak Kereta Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, hari ini.

Majlis tersebut dikendalikan oleh TSS Event Management.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad

selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Urusan TSS Event Management, Pengiran Mohd. Yazid bin Pengiran Haji Bakar.

Dalam ucapannya, beliau memaklumkan bahawa pengendalian Santai De Indoor telah diberikan peluang secara strategik untuk menguruskan kawasan tersebut bagi tempoh dua tahun. Namun demikian, sebagai

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Santai De Indoor 2.0 dan seterusnya meninjau ke kawasan kios dan pop-up vendor (kiri dan kanan).**

langkah pengurusan yang lebih efektif dan berfasa, sistem kontrak secara kitaran enam bulan ke enam bulan telah dilaksanakan.

Menurutnya, pendekatan tersebut bertujuan untuk memastikan setiap aspek operasi termasuk penambahbaikan kemudahan, kualiti peniaga serta pengalaman pengunjung dapat dinilai dan dipertingkatkan secara berterusan dari semasa ke semasa.

Melalui strategi berkenaan, tambahnya lagi, pihak pengurusan berharap Santai De Indoor akan menjadi sebuah ruang yang bukan sahaja kondusif dan teratur, malah berdaya saing, selamat serta menarik untuk dikunjungi oleh orang ramai, di samping memberi peluang yang adil dan berterusan kepada para peniaga tempatan.

Majlis diteruskan dengan perasmian Santai De Indoor 2.0 oleh tetamu kehormat, disusuli dengan sesi bergambar ramai



bersama tetamu kehormat serta diakhiri dengan lawatan ke kawasan kios dan pop-up vendor.

Acara-acara sampingan sempena Majlis Perasmian Santai De Indoor 2.0 akan diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 1 Februari 2026. Seramai 10 pengendali kios dan 15 pop-up vendor yang terdiri daripada peniaga tempatan serta golongan belia telah mula beroperasi sejak semalam.

Antara acara sampingan yang turut diadakan bagi memeriahkan lagi suasana ialah persembahan

seni daripada belia-belia dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Santai De Indoor 2.0 diharapkan akan dapat menjadi sebuah ruang yang kondusif dan teratur, di samping berdaya saing, selamat serta menarik untuk dikunjungi oleh orang ramai, serta mampu memberi peluang yang adil dan berterusan kepada para peniaga tempatan.

Kehadiran orang ramai amat dialu-alukan bagi memeriahkan lagi acara-acara sampingan yang diadakan sepanjang tempoh tersebut.

# KERJASAMA STRATEGIK MAJUKAN SEKTOR MARITIM, LOGISTIK SERANTAU



Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, merangkap Pengerusi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) menyatakan demikian semasa berucap pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara DP World Logistics Malaysia Sdn. Bhd. dan Warisan Shipping Line Sdn. Bhd. bertempat di Design & Technology Building, Kampung Anggerek Desa, hari ini.

Menurut Yang Berhormat, dari perspektif Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, kerjasama ini adalah sejajar dengan Navigating 2030, Pelan Strategik MPABD yang menyokong agenda pembangunan negara.

"Bagi membangunkan sektor maritim yang berdaya maju, pelan ini menetapkan hala tuju yang jelas untuk meningkatkan daya saing pelabuhan, memperkukuh kesalinghubungan maritim, serta meletakkan NBD sebagai pintu masuk maritim yang dipercayai dan cekap. Sehingga kini, kita mula menyaksikan pertumbuhan yang stabil dalam jumlah kargo konvensional dan penumpang kapal persiaran.

"Sehubungan itu, peranan perniagaan maritim negara adalah amat penting bagi pertumbuhan sektor maritim negara. Kerjasama seperti ini menghidupkan strategi dengan menterjemahkan visi kepada

hasil yang nyata, sekali gus memperkukuh rantaian bekalan, memperluas jaringan serantau, dan menjana nilai ekonomi sebenar," ujar Yang Berhormat.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat mengalu-alukan inisiatif, visi dan komitmen yang ditunjukkan oleh Warisan Shipping Line dalam memajukan keupayaan maritim NBD, serta mengalu-alukan keyakinan DP World terhadap NBD sebagai rakan kerjasama serta sebagai platform bagi pertumbuhan serantau.

Yang Berhormat yakin bahawa kerjasama ini akan membawa manfaat yang ketara, bukan sahaja dari segi komersial, malah dalam memperkukuh daya tahan rantaian bekalan, kepelbagaian perdagangan, serta kemampan ekonomi jangka panjang.

Terdahulu dalam ucapannya, Yang Berhormat mengambil maklum bahawa MoU yang dimeterai hari ini mewujudkan satu rangka kerjasama yang berstruktur dan berfokus antara kedua-dua pihak. Ia menghimpunkan sebuah pengendali maritime NBD yang sedang berkembang dengan pengendali logistik di pelabuhan yang diiktiraf di peringkat global, sekali gus menggabungkan pengetahuan tempatan dengan kepakaran antarabangsa.

Apa yang lebih penting jelas Yang Berhormat, kerjasama ini juga membolehkan inisiatif masa

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

hadapan serta kemudahan sokongan berkembang secara dinamik, sekali gus memastikan usaha kerjasama kekal fleksibel, dipacu oleh pasaran, dan responsif terhadap keperluan baharu.

Pada majlis tersebut, menandatangani MoU bagi pihak Warisan Shipping Line Sdn. Bhd. ialah Pengerusi Warisan Shipping Line, Awang Zakaria bin Pehin Dato Haji Abd. Aziz, manakala DP World Logistics Malaysia Sdn. Bhd. diwakili oleh Executive Vice President (EVP), DP World South East Asia, Xavier Marc Michel Elgller.

Menurut Xavier Marc Michel Elgller, MoU ini menandakan permulaan kepada satu strategi dan kerjasama jangka panjang, yang mana menghimpunkan keupayaan gabungan DP World dan Warisan Shipping Line untuk membangunkan perkhidmatan pengangkutan kontena bertaraf dunia di seluruh Brunei Darussalam, serta rantau Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Indonesia - Malaysia - Filipina (BIMP-EAGA).

Di bawah MoU ini ujarnya, kedua-dua pihak akan bekerjasama rapat untuk membangunkan dan mengendalikan perkhidmatan pengangkutan kontena, meningkatkan jumlah penghantaran dan laluan, serta meneroka pembangunan

infrastruktur logistik masa hadapan yang dapat mempertingkatkan aliran perdagangan antara NBD, Malaysia, Republik Indonesia dan Republik Filipina Selatan.

"Yang paling penting, perjanjian ini juga mewujudkan satu rangka kerja berstruktur bagi perancangan perniagaan, penilaian permintaan, dan kesiapsiagaan pelaburan, yang memastikan inisiatif masa hadapan ditadbir dengan baik, dipacu oleh pasaran, dan selaras dengan objektif pembangunan jangka Panjang NBD," terangnya.

Sementara itu, Awang Zakaria berkata, Warisan Shipping Line berbangga menjadi sebuah syarikat maritim NBD, yang kini mengurus dan mengendalikan armada dua kapal yang berkhidmat di dua laluan serantau utama - The Singapore Express dan Borneo Coastal Express.

"Pertumbuhan operasi kami yang stabil, dengan niat strategik yang jelas dan penyelarasan dalam rantau BIMP-EAGA, telah menarik perhatian dan keyakinan pemain antarabangsa," jelasnya.

Tambahnya, kerjasama ini bertujuan untuk memperkukuh kesalinghubungan maritim serta menyokong pembangunan jangka panjang infrastruktur pelabuhan yang penting sepanjang laluan perdagangan bersama.

**YANG** Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi merangkap Pengerusi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) semasa berucap pada majlis tersebut.

ANGGEREK DESA, Rabu, 28 Januari. - Kedudukan strategik Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadikan negara ini laluan penting perkapalan serantau dan antarabangsa.

Dalam era rantaian bekalan global yang semakin dinamik dan kompleks, rangkaian maritim dan logistik yang cekap serta saling berhubung amat penting.

Justeru, kerjasama hari ini mencerminkan pemahaman yang jelas terhadap realiti ini serta komitmen untuk bertindak dengan berbanding jauh, penuh tanggungjawab, dan melalui penyelesaian yang praktikal.

Menteri Pengangkutan dan

## Pesta Pengguna, Ekspo Perdagangan Ke-32 dirasmikan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Rabu, 28 Januari. - Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan ke-32 (Consumer Fair & Trade Expo Ke-32 - CFTE32) anjuran D'Sunlit Sendirian Berhad dilancarkan secara rasmi pagi tadi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Majlis perasmian dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Komunikasi Korporat D'Sunlit Sendirian Berhad, Ting Chui San, yang menggariskan mengenai evolusi berterusan CFTE sebagai platform yang kukuh dan berorientasikan hasil untuk pembangunan perusahaan dan penyertaan pasaran.

Beliau seterusnya menekankan mengenai pertumbuhan mampan ekspo sepanjang tahun, dengan menyebut peningkatan signifikan dalam penyertaan pempamer serta

peranan pemiagaan tempatan yang semakin kukuh sebagai petunjuk utama peningkatan keyakinan pemiagaan.

Ting Chui San juga menjelaskan peranan CFTE dalam memudahkan penglibatan antarabangsa, menyokong pertukaran pengetahuan, dan mengukuhkan kedudukan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai destinasi yang kompetitif dan bersedia untuk pemiagaan dalam pasaran serantau dan antarabangsa.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan pelancaran rasmi CFTE32 dan Persidangan Pesta Pengguna Ke-3 (3rd Consumer Fair Conference - CONFAC) oleh tetamu kehormat majlis.

Pameran CFTE Edisi Ke-32 kali ini diadakan dengan tema 'The Unstoppable You', yang menekankan kepentingan ketahanan, kemampuan menyesuaikan, dan kesinambungan dalam persekitaran komersial yang semakin dinamik.

Tema berkenaan mencerminkan realiti yang dihadapi oleh pemiagaan

masa kini, dan kejayaan mampan bergantung kepada kemampuan untuk bertindak balas terhadap perubahan, berinovasi secara bertanggungjawab, dan tetap teguh di tengah-tengah keadaan ekonomi yang berkembang.

'The Unstoppable You' mewakili minda yang berpandangan ke hadapan yang menggalakkan perusahaan dan individu untuk memperkukuh kapasiti mereka menanggung cabaran, mengejar kemajuan, dan tetap relevan dalam pasaran yang sentiasa berubah.

Selepas pelancaran rasmi, program diteruskan dengan CONFAC yang membawakan tema 'Built to Last - Strengthening Business Resilience in a Changing World'.

Kini memasuki edisi ketiga, CONFAC terus berfungsi sebagai platform untuk dialog dan perkongsian pengetahuan, dengan fokus kepada kelestarian, kemampuan menyesuaikan, dan kesinambungan pemiagaan jangka panjang.

Persidangan berkenaan bertujuan untuk melengkapkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perusahaan dengan strategi praktikal untuk mengharungi cabaran dan mencapai pertumbuhan mampan.

Ucuptama disampaikan oleh Gita Wirjawan, mantan Menteri Perdagangan Republik Indonesia dan Pengasas serta Pengerusi Ancora Capital.

Majlis perasmian berkenaan juga menandakan pelancaran rasmi China Day 2026, iaitu sebuah program bertema tetap yang dianjurkan oleh One Belt, One Road (OBOR), dengan Peratuan Perusahaan China di Negara Brunei Darussalam (CEAB) sebagai Penaja Bersama, dan disokong oleh Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam (PWBD), yang diadakan bersempena CFTE32.

Pelancaran China Day 2026



**YANG** Mulia Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian China Day 2026 dan Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan ke-32 (Consumer Fair & Trade Expo Ke-32 - CFTE32) (atas dan bawah kiri).

berlangsung di Press Conference Hall, ICC, mengukuhkan semula peranannya sebagai platform yang memamerkan unsur-unsur warisan budaya Cina melalui program dan aktiviti terpilih, sambil menyumbang kepada kepelbagaian budaya ekspo.

CFTE32 mengukuhkan peranan NBD sebagai pintu gerbang ke pasaran serantau dan antarabangsa, menghimpunkan lebih daripada 350 pempamer tempatan dan antarabangsa, termasuk lebih 120 dari Republik Rakyat Bangladesh, Republik Rakyat China, Republik India, Republik Islam Pakistan, dan Republik Sosialis Viet Nam, bersama-sama pemiagaan dari rantau BIMP-EAGA.

Pempamer antarabangsa ditempatkan di dalam Zon Antarabangsa yang khusus di Dewan Musyawarah, yang menyediakan suasana teratur untuk penglibatan pemiagaan merentas sempadan.

Ekspo berkenaan dilengkapi dengan dewan makanan dan


minuman dengan Zon Biru menampilkan lebih 120 reruai makanan, disokong oleh kawasan makan yang telah dinaik taraf, lebih besar dan selesa berbanding edisi sebelumnya, menambah baik pengalaman pengunjung secara keseluruhan.

Antara sorotan utama CFTE32 tahun ini ialah Cabutan Bertuah Besar yang sangat dinanti-nantikan, menawarkan peluang kepada pengunjung untuk memenangi hadiah menarik sepanjang acara, termasuk hadiah utama, iaitu sebuah Toyota Yaris Cross baharu, ditaja oleh NBT (Brunei) Sendirian Berhad, yang menawarkan peluang menarik untuk pengguna sekali gus memberi motivasi untuk penglibatan aktif sepanjang tempoh pameran.

CFTE32 akan diadakan dari 28 Januari sehingga 1 Februari 2026 dan dibuka untuk kunjungan orang ramai pada setiap hari, mulai jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.



## Mengukuhkan fungsi AIPA tangani isu berkaitan jenayah transnasional



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mewakili MMN pada Mesyuarat First Meeting of the Study Committee on the Transformation of AIPA Advisory Council on Dangerous Drugs (AIPACODD) for Enhanced Cooperation on Transnational Crimes.

### Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

JAKARTA, Jumaat, 30 Januari. - Mesyuarat First Meeting of the Study Committee on the Transformation of AIPA Advisory Council on Dangerous Drugs (AIPACODD) for Enhanced Cooperation on Transnational Crimes, telah diadakan pada 28 hingga 29 Januari 2026 di Ibu Pejabat ASEAN, Jakarta, Republik Indonesia.

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah diwakili oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Sesuai dengan objektifnya, mesyuarat berkenaan telah membincangkan cadangan transformasi AIPACODD kepada satu mekanisme baharu bagi menangani isu-isu berkaitan jenayah transnasional yang lebih meluas, iaitu daripada aspek keperluan dan nilai strategik serta potensi pensejajaran kepada agenda keselamatan politik ASEAN.

Beberapa sesi pembentangan telah diadakan daripada perwakilan-perwakilan negara ASEAN, serta pertubuhan jemputan termasuk ASEAN Senior Officials on Drug Matters (ASOD), United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) dan United Nations Office of Counter Terrorism (UNOCT).

Mesyuarat juga bersetuju untuk mengukuhkan fungsi AIPA dalam menangani isu-isu berkaitan jenayah transnasional yang seterusnya akan dibentangkan semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-47 nanti.

## Cuaca diramal aktif sehingga 5 Februari

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Januari. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini masih berada di fasa pertama Monsun Timur Laut, yang turut dikenali sebagai Musim Tengkujuh. Dalam tempoh ini, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca yang tidak menentu, dengan kejadian hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat.

Keadaan cuaca aktif diramalkan bermula malam ini sehingga hari Khamis, 5 Februari 2026. Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka akan menjelaskan beberapa kawasan negara, dengan kelajuan angin meningkat sehingga 50kmsj semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir. Di perairan Brunei, keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit hingga sederhana, iaitu di antara 0.5 hingga 1.5 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi kejadian banjir kilat, tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

Keadaan laut adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut. Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebak sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperolehi dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang [www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn) atau melalui laman Facebook @bruneiwether, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram kami Brunei Weather.

## BINCANG CABARAN TAHAP SARA DIRI BERAS NEGARA

### Berita dan Foto : Ihsan Siti Nurhidayah Haji Tarsad



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa mengadakan sesi dialog dan lawatan kerja bersama Agrodynamics Antarabangsa (B) Sdn. Bhd. (Agrodynamics) serta wakil-wakil pengusaha padi tempatan (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Januari. - Sebagai sebahagian daripada inisiatif berterusan 'turun padang', Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) baru-baru ini mengadakan sesi dialog dan lawatan kerja bersama Agrodynamics Antarabangsa (B) Sdn. Bhd. (Agrodynamics) serta wakil-wakil pengusaha padi tempatan bagi membincangkan cabaran dalam mencapai tahap sara diri beras negara.

Hadir pada sesi dialog tersebut ialah Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Sesi berkenaan melibatkan wakil daripada Agrodynamics

Antarabangsa (B) Sdn. Bhd. dan komuniti pengusaha padi, iaitu Pengarah Urusan Agrodynamics, Awang Haji Abdul Malek @ Haji Abdul Rani bin Haji Awang Mohamad; Setiausaha Agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB), Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Sirat; Awang Haji Mohamad Selanjat Jemau, iaitu wakil Daerah Belait; serta Awang Haji Amdan bin Haji Damit, iaitu wakil Daerah Tutong.

Agrodynamics, melalui jenama mereka DynamicsGrow, menghasilkan baja cecair menggunakan teknologi pertanian moden dan telah membuka sawah padi di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Junjung sebagai tapak penyelidikan dan ujian bagi meningkatkan hasil padi tempatan.

Semasa lawatan berkenaan,



Ahli-ahli MMN telah diberikan taklimat mengenai penggunaan baja cecair tersebut yang telah menunjukkan hasil positif dalam memperbaiki kualiti tanah dan pertumbuhan tanaman.

Lawatan berkenaan diadakan bagi membolehkan penglibatan secara langsung dengan pengusaha padi, mendengar pandangan mereka mengenai pencapaian, cabaran serta penambahbaikan yang diperlukan bagi menyokong usaha mencapai sara diri beras negara.

Antara cabaran utama yang dibangkitkan dan dikenal pasti ialah ketersediaan baja dan racun perosak bersubsidi, kekurangan pegawai lapangan atau pakar untuk memberi nasihat berkaitan penanaman padi, kepentingan peranan 'Ketua Peladang' dalam menyampaikan maklumat dan menyelaras aktiviti pertanian di kawasan yang ditetapkan, yang dilihat oleh para pengusaha padi sebagai satu keperluan untuk disemak semula; bilangan

pembekal benih (semaian) dan baja sedia ada perlu disemak selaras dengan peningkatan jumlah pengusaha padi dan keluasan tanaman.

Selain itu, bekalan benih (semaian) yang disediakan melalui sistem kuota adalah tidak mencukupi dan tidak seimbang untuk mencapai hasil yang diinginkan, hasil ujian sampel dan pengeluaran pertama tidak konsisten pada pengeluaran seterusnya dalam skala yang lebih besar dan ini menimbulkan kebimbangan mengenai kualiti benih (semaian) yang diagihkan; penggunaan teknologi yang terhad dan tidak konsisten seperti jentera pertanian moden, pemantauan dalam talian dan analisis tanah sebelum penanaman telah mengekang peningkatan hasil yang lebih baik.

Juga cabaran lain ialah kekurangan jentera pertanian operasi yang disediakan oleh Jabatan Pertanian, di samping kos baja dan racun perosak yang lebih

tinggi, telah menyumbang kepada peningkatan kos pengeluaran yang mencabangkan bagi pengusaha padi yang sedia ada dan bakal pengusaha padi; dan kekurangan infrastruktur yang mencukupi dan diselenggara dengan baik seperti kolam takungan air dan sistem perparitan turut menyumbang kepada hasil yang rendah.

Untuk sama-sama mencapai sasaran sara diri pengeluaran beras, adanya keperluan mendesak untuk mengadakan satu forum yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan termasuk Jabatan Pertanian, institusi penyelidikan, syarikat swasta dan kumpulan pengusaha padi bagi memastikan dasar serta sokongan dapat disalurkan kepada semua pengusaha padi dengan lebih berkesan.

Secara keseluruhan, lawatan berkenaan telah mencapai matlamatnya dan juga menjadi satu peluang pembelajaran yang bermanfaat bagi semua pihak.

## PERJUMPAAN BINCANG PERANCANGAN, AKTIVITI MPM SERASA



SESI bergambar ramai pada majlis tersebut yang diadakan di sebuah restoran di Kampung Kapok.

Oleh : Nurdiyana Rajami  
Foto : Ihsan Awang Muhamad Ali Hassan / Setiausaha Majlis Perundingan Kampung Serasa

**KAMPUNG KAPOK**, Khamis, 29 Januari. - Seramai 30 orang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Tertinggi, Ahli Jawatankuasa Biro dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa telah mengadakan majlis perjumpaan buat julung kalinya bertempat di salah sebuah restoran di Kampung Kapok, malam kelmarin.

Majlis perjumpaan berkenaan antaranya bertujuan untuk bersua kenal sesama ahli sekali gus bagi membincangkan perancangan aktiviti tahunan Mukim Serasa yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2026 ini.

Antara yang hadir bagi sama-sama menyertai majlis perjumpaan tersebut ialah Penasihat MPM Serasa, Yang Dimulikan Pehin Datu Pekerma Jaya Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah.

Sehubungan itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Omar bin Haji Awang Mohamad selaku salah seorang Ahli MPM Serasa, diikuti dengan ucapan daripada Penghulu Mukim Serasa dan juga Pengerusi

MPM Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan.

Beliau antara lain mengucapkan penghargaan terima kasih kepada atas kehadiran semua ahli pada majlis perjumpaan tersebut sekali gus merakamkan ucapan tahniah kepada ahli-ahli atas lantikan kepada Ahli Jawatankuasa Tertinggi, Ahli Jawatankuasa Biro dan juga menjadi Ahli-ahli MPM Serasa.

Semasa berucap, Awang Saiful Adli turut mengongsikan bahawa MPM Serasa akan mengadakan pertandingan masakan yang akan diadakan bulan April akan datang dan mengalu-alukan para ahli semua untuk melaksanakan persiapan-persiapan lebih awal agar segala pengurusan yang dirancang berjalan dengan lancar nanti. Selain itu, beliau juga menyentuh mengenai perancangan dalam tempoh setahun bagi MPM Serasa.

Seterusnya, majlis menyaksikan penjelasan lebih terperinci daripada Setiausaha MPM Serasa, Awang Muhamad Ali Hassan mengenai perancangan MPM Serasa dalam tempoh setahun itu yang antaranya berkata melalui kaedah yang

berkonsepkan *tools* Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) iaitu Carta Gantt atau Milestone telah diguna pakai dalam pengurusan segala perancangan aktiviti tahunan MPM Serasa.

Dalam masa yang sama, semua ahli yang hadir diberikan kesempatan setiap seorang untuk menyenaraikan secara maksimum lima aktiviti yang akan dirancang untuk dilaksanakan dalam membuat perancangan aktiviti setahun. Dengan adanya kerjasama ahli yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan masing-masing sekurang-kurangnya, ia dapat menajana idea dalam proses percambahan fikiran sehingga dapat menghasilkan 85 jenis aktiviti yang telah disenarai panjang.

Manakala senarai panjang jenis aktiviti yang dikumpulkan itu akan dibuat kajian untuk disenarai pendekkan menjadi 50 aktiviti dan seterusnya akan dipilih lagi menjadi 40 aktiviti mengikut keutamaan khususnya dari sudut potensi, jenis aktiviti yang mudah dilaksanakan, mengurangkan kos perbelanjaan, menjimatkan masa serta memberi impak yang baik kepada MPM Serasa.

Majlis berkenaan turut memuatkan sesi bertukar fikiran sesama ahli juga diberi peluang

>> Muka 5

Sehingga kini, seramai 350 pelajar telah didaftarkan dan 338 pelajar merupakan peserta aktif di bawah program berkenaan. Daripada jumlah tersebut, seramai 90 pelajar kini sedang melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi di pelbagai institusi dalam dan luar negara.

Seorang alumni BIBD ALAF yang kini sedang menjalani latihan sebagai Trainee Pharmacist di Torbay Hospital, United Kingdom, menunjukkan potensi program berkenaan adalah untuk memupuk bakat NBD yang berkebolehan di peringkat global.

Sementara itu, seramai 12 graduan telah berjaya menamatkan pengajian tinggi atau vokasional mereka di dalam dan luar negara serta mendapat pekerjaan dalam bidang masing-masing.

Pada 2025, BIBD telah melancarkan BIBD ALAF Bursary, iaitu pengembangan ketara kepada Program BIBD ALAF yang mempamerkan komitmen berterusan BIBD untuk memupuk keterangkuman dan peluang yang sama untuk semua.

Skim komprehensif dan holistik berkenaan kini menyokong 30 pelajar Tahun 6 daripada tujuh sekolah terpilih di Daerah Brunei dan Muara, yang ditubuhkan khusus untuk membantu pelajar yang mengambil bahagian bagi meningkatkan prestasi akademik mereka.

Menurut laporan prestasi, majoriti peserta telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pencapaian akademik mereka. Hasil positif berkenaan menggambarkan keberkesanan pendekatan dan intervensi yang dilaksanakan di bawah dermasiswa berkenaan.

Sejak penubuhannya pada 2014, Program BIBD ALAF terus komited untuk meluaskan akses kepada pendidikan, khususnya bagi pelajar yang menghadapi cabaran kewangan.

Program berkenaan menyokong pelajar sepanjang perjalanan pendidikan mereka, daripada peringkat sekolah rendah hingga pengajian tinggi dengan menyediakan rangka kerja komprehensif untuk pembangunan akademik, bantuan kewangan, bimbingan dan pertumbuhan peribadi.

Inisiatif utama yang dibiayai sepenuhnya melalui sumbangan zakat, Program BIBD ALAF berkenaan menawarkan lebih daripada sekadar bantuan kewangan. Ia memupuk pelajar untuk mencapai potensi penuh mereka melalui aktiviti pembinaan kapasiti, pembangunan kemahiran hidup, dan bimbingan berterusan.

Objektif program berkenaan sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, dalam usaha melahirkan generasi yang berpengetahuan, berkebolehan, dan dipacu nilai sedia menyumbang kepada pembangunan negara.

Melalui Program BIBD ALAF, BIBD terus melabur dalam sumber negara yang paling berharga, iaitu rakyatnya dengan mewujudkan laluan untuk berjaya, menyemai sifat prihatin, dan memberi inspirasi kepada pemimpin masa depan untuk memberi kembali kepada keluarga, komuniti dan negara.

dalam menjelaskan sebarang kemusykilan ahli dalam bidang tugas dan peranan ahli jawatankuasa antara lain telah pun dijelaskan oleh Awang Saiful Adli.

Sementara peranan Bendahari MPM Serasa telah dijelaskan oleh Timbalan Pengerusi MPM Serasa, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Timbang.

Sebelum mengakhiri majlis perjumpaan Penasihat MPM

Serasa juga memberikan saranan kepada Ahli-ahli MPM Serasa untuk sama-sama berganding bahu, bekerjasama dalam memikul tanggungjawab bagi melaksanakan pengurusan MPM Serasa dengan baik dan jujur serta amanah sehingga berusaha menaikkan perekonomian Mukim Serasa secara berperingkat di bawah tadbir urus Penghulu Mukim Serasa dan kebijaksanaan Ahli-ahli MPM Serasa yang dilantik.

## Mengukuhkan kesejahteraan, kesihatan mental di tempat kerja



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 28 Januari. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan (PPK), telah bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri (JPM) khususnya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan Buruh, serta dengan sokongan pihak Safety, Health, Environment National Authority (SHENA) menjalankan Bengkel Pelakaran 'Work-Life Balance Policy for All Workplaces' pada 27 hingga 28 Januari 2026, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM. Inisiatif Pelakaran 'Work-Life

Balance Policy for All Workplaces' berkenaan adalah merupakan salah satu tindakan berkepentingan (*priority actions*) dalam Pelan Tindakan Kesihatan Mental 2022-2025.

Inisiatif yang terkandung di bawah Strategi 1, iaitu Memperkuh Kepimpinan dan Tadbir Urus Yang Berkesan Untuk Kesihatan Mental berkenaan, akan diteruskan dan dibawa ke dalam dokumen Pelan Tindakan Kesihatan Mental Negara Brunei Darussalam 2026-2030.

Bengkel pelakaran yang dijalankan selama dua hari berkenaan dimulakan dengan Majlis Pembukaan Rasmi Bengkel

yang telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Bakhtiar bin Pengiran Haji Ibrahim, yang hadir selaku wakil peribadi kepada Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Acara berkenaan juga memuatkan satu sesi perkongsian pengalaman dan cabaran agensi-agensi penganjur dalam pengukuhan kesejahteraan dan kesihatan mental di tempat kerja.

Antara topik-topik yang dibentangkan semasa pengongsian ilmu berkenaan termasuklah Mental Health and Wellbeing in Bruneian Workplaces

**PEMANGKU** Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Bakhtiar bin Pengiran Haji Ibrahim semasa hadir pada majlis tersebut dan seterusnya bergambar ramai.

(PPK), Harmonising Work and Wellness : A Strategic Perspective from the Civil Service dan Counseling Service Division (JPA), Towards Work-Life Balance - Opportunities & Challenges in the Private Sector (Jabatan Buruh), dan Psychosocial Hazards and Work-Life Balance From A Workplace Safety & Health (WSH) Perspective (SHENA).

Acara pembukaan juga dimuatkan dengan ceramah bertajuk 'Work-Life Balance as an Islamic Ethical Imperative for Mental Health in the Workplace', yang telah disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, dari Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yusof bin Haji Abdul Majid; dan satu lagi sesi pengongsian 'Best Practices of Work-Life Balance Policy in Brunei Darussalam', yang telah dikongsikan oleh Ketua Sumber Manusia, Bank Standard Chartered Brunei, Laila Li; dan juga Pegawai Sumber Manusia dari Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC), Dayang Miza Syazwina binti

Mohammad.

Bengkel yang disertai oleh 80 peserta terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta berkenaan diteruskan dengan sesi perbincangan berkumpulan yang telah dimudah cara oleh fasilitator-fasilitator dari Human Resource Society Brunei Darussalam.

Dengan pelakaran 'Work-Life Balance Policy for All Workplaces' berkenaan, ia dihasrat akan dapat membantu merealisasikan aspirasi negara untuk memastikan kesejahteraan dan kesihatan mental setiap penjawat awam, dan juga pekerja di sektor swasta dihargai, dipromosi dan dilindungi dengan setiap orang mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kesejahteraan dan kesihatan mental yang optimum, persekitaran kerja yang kondusif, positif, selamat, sihat dan saling menyokong.

Bukan setakat itu, setiap penjawat awam dan pekerja swasta diharapkan akan dapat mempraktikkan hak asasi mereka tanpa rasa takut atau diskriminasi, dengan sokongan para ketua yang tidak *camah mata*, dan sentiasa prihatin akan kesejahteraan orang bawahan serta semua pihak akan berusaha mengambil langkah-langkah keselamatan di tempat kerja sekali gus mengurangkan risiko.

# UBD, CQU perkukuh kerjasama akademik, penyelidikan



**TUNGKU LINK**, Khamis, 29 Januari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Chongqing University (CQU) secara rasmi

memperkuh kerjasama institusi melalui pemeteraian satu Memorandum Persefahaman (MoU), baru-baru ini.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dan Naib Presiden CQU, Profesor Dr.

## Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

SESI bergambar ramai pada majlis menandatangani MoU di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan Chongqing University (CQU).

Jun Yang.

Majlis penandatanganan turut disaksikan oleh Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian) UBD, Dr. Haji Abdul Hanif bin Dato Paduka Haji Mahadi serta Timbalan Setiausaha Agung University Network of Research Cooperation (iUNRC), Timbalan Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Timbalan Dekan Institut Pembangunan Sains dan Teknologi, CQU, Profesor Dr. Hui Xie.

Pemeteraian MoU ini menandakan satu pencapaian penting dalam memperkuh hubungan institusi antara UBD dan CQU, sekali gus mengukuhkan komitmen bersama dalam memajukan kecemerlangan

akademik, kerjasama penyelidikan dan penglibatan antarabangsa.

MoU ini menyediakan rangka kerja yang menyeluruh bagi kerjasama dalam bidang kepentingan bersama, termasuk pertukaran akademik, inisiatif penyelidikan bersama serta aktiviti kolaboratif yang menyokong inovasi dan pembangunan kapasiti.

Perkongsian ini mengukuhkan usaha kolaboratif dan mencerminkan aspirasi kedua-dua universiti untuk menyumbang secara bermakna kepada pembangunan mampan, penyelidikan berorientasikan masa depan dan rangkaian pengetahuan global.

MoU ini turut menegaskan komitmen berterusan UBD dalam memperluaskan perkongsian global serta memperkuh peranannya sebagai sebuah universiti penyelidikan terkemuka di rantau ini, selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

# AIM ASEAN memacu penggunaan AI dalam kalangan PMKS

**ANGGEREK DESA**, Rabu, 28 Januari. - Bagi kebanyakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), kekurangan tenaga kerja, peningkatan kos operasi serta persaingan pasaran yang semakin mencabar terus menjadi halangan kepada pertumbuhan dan peluasan perniagaan.

Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah memulakan pelaksanaan nasional program AI for MSME Advancement in ASEAN (AIM ASEAN), iaitu satu inisiatif serantau yang bertujuan membekalkan perniagaan tempatan dengan aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) yang praktikal bagi meningkatkan kecekapan operasi, menyokong pembuatan keputusan yang lebih berkesan dan mengukuhkan daya saing perniagaan dalam jangka panjang.

Program AIM ASEAN merupakan satu inisiatif serantau di bawah The ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises (ACCMSME), yang diterajui oleh ASEAN Foundation dengan kerjasama Asian Venture Philanthropy Network serta disokong oleh Google.org dan The Asian Development Bank (ADB).

Di NBD, program ini diselaras oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) selaku wakil utama negara kepada ACCMSME.

Program ini telah dilancarkan hari ini di Bangunan Reka Bentuk & Teknologi, Taman Teknologi Anggerek Desa, sekali gus menandakan permulaan pelaksanaan program di negara ini.

Program ini menasarkannya 550 PMKS merentasi pelbagai sektor menjelang Mei 2027, dengan tumpuan kepada perusahaan

yang berhasrat meningkatkan produktiviti, mengurangkan kebergantungan kepada proses manual serta mengguna pakai alat digital bagi menyokong pengembangan perniagaan.

Dengan memberi penekanan kepada kes penggunaan yang praktikal, program ini meletakkan AI sebagai alat perniagaan yang mudah diakses dan kos efektif, bukannya teknologi yang kompleks atau memerlukan pelaburan tinggi.

Pendekatan ini membolehkan PMKS menjimatkan masa dan sumber untuk aktiviti bernilai tinggi seperti pembangunan produk, pengembangan pasaran dan pembinaan hubungan pelanggan sekali gus mengukuhkan keupayaan mereka untuk berkembang secara mampan dalam persekitaran perniagaan yang kompetitif.

Dalam jangka panjang, penggunaan alat AI ini akan memberi manfaat kepada perusahaan dalam pelbagai sektor, khususnya runcit dan perkhidmatan, makanan dan minuman, pertanian serta pelancongan.

Disampaikan melalui 11 kohort berstruktur, program ini akan menyediakan sokongan berterusan secara langkah demi langkah kepada PMKS bagi membina keupayaan AI mereka secara progresif serta memacu pertumbuhan perniagaan sehingga Mei 2027.

Pendekatan berasaskan kohort ini membolehkan perusahaan yang terlibat mengaplikasikan penyelesaian AI secara berperingkat dalam operasi mereka, sekali gus memastikan pembelajaran diterjemahkan kepada penambahbaikan sebenar yang boleh diukur, dan bukannya sekadar pendedahan sekali sahaja kepada teknologi.

Melalui latihan praktikal dan

aplikasi berpandu, PMKS yang mengambil bahagian akan mempelajari bagaimana AI boleh diintegrasikan ke dalam operasi perniagaan harian bagi menangani cabaran operasi yang lazim.

Antaranya termasuk mengautomatiskan pemasaran dan kandungan media sosial bagi mengekalkan penglibatan pelanggan secara konsisten walaupun dengan tenaga kerja yang terhad dan meningkatkan masa tindak balas perkhidmatan pelanggan melalui penggunaan Chatbot berasaskan AI.

Selain itu, mengurus inventori, jualan dan data operasi dengan lebih cekap dan menggunakan analisis data untuk menyokong perancangan, penetapan harga serta keputusan pertumbuhan yang lebih baik.

Sebagai Peneraju ACCMSME bagi NBD, BEDB memainkan peranan penyelarasan dan pemudah cara bagi memastikan program ini menghasilkan impak yang bermakna kepada perusahaan tempatan.

Ini merangkumi penyediaan panduan strategik, pemudahcaraan penglibatan pihak berkepentingan, sokongan terhadap usaha jangkauan PMKS, serta memastikan penajajaran antara inisiatif pembangunan perusahaan di peringkat nasional dengan keutamaan ASEAN.

Di samping itu, satu dialog dasar dan meja bulat peringkat nasional akan diadakan akhir tahun ini bagi menghimpunkan pembuat dasar, pemain industri, pihak akademia dan komuniti perniagaan untuk membincangkan cabaran serta peluang penggunaan AI dalam konteks PMKS, sekali gus menyumbang kepada cadangan dasar berasaskan bukti di peringkat nasional dan serantau.

Program AIM ASEAN

## Siaran Akhbar : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**PROGRAM AI for MSME Advancement in ASEAN (AIM ASEAN) dilancarkan di Bangunan Reka Bentuk & Teknologi, Taman Teknologi Anggerek Desa.**

mencerminkan komitmen menyeluruh NBD dalam memperkuh daya tahan PMKS serta menyokong pertumbuhan perusahaan melalui penggunaan teknologi baharu yang bertanggungjawab dan praktikal.

Dengan meningkatkan keupayaan digital dan produktiviti PMKS, program ini

menyumbang kepada agenda ekonomi digital ASEAN di bawah Rangka Kerja Perjanjian Ekonomi Digital ASEAN (ASEAN Digital Economy Framework Agreement - DEFA) serta menyokong pembangunan ekosistem digital yang dipercayai, saling boleh beroperasi dan inklusif di seluruh rantau ini.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

# 5,175 NASKHAH MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM DIAGIHKAN



**PEMANGKU** Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan mushaf kepada salah seorang wakil penerima (kanan dan atas).



**JERUDONG**, Rabu, 28 Januari. - Sebanyak 5,175 naskhah Mushaf Brunei Darussalam telah disumbangkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan diagihkan kepada 161 buah sekolah rendah di seluruh negara dalam majlis yang diadakan pagi tadi berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Jerudong.

Majlis Pengagihan Mushaf Brunei Darussalam bagi pelajar-pelajar Tahun 4 sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta terdiri daripada 119 buah sekolah rendah kerajaan dan

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

51 buah sekolah rendah swasta di seluruh negara.

Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan kemudian mengagihkan mushaf-mushaf tersebut kepada wakil-wakil yang terlibat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Tenaga Pengajar Sekolah Ugama

Jerudong, Awang Mohammad Amiruddin bin Haji Mohd. Zaidi.

Selain bertujuan untuk memastikan para pelajar memiliki senaskhah Mushaf Brunei Darussalam, pengagihan juga diharapkan dapat dimanfaatkan dalam pembelajaran Al-Quran bermula dari Tahun 4 persekolahan umum dan seterusnya berkesinambungan hingga ke peringkat Darjah VI persekolahan agama.

## Program Belia Al-Wahdah perkasa ukhuwah, jati diri belia masjid

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 29 Januari. - Seramai 40 murid daripada Sekolah Ugama Kampung Bolkiah menyertai Program Belia Al-Wahdah yang diadakan di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Kampung Bolkiah 'A', hari ini.

Program Belia Al-Wahdah merupakan program yang memfokuskan kepada penyatuan Ukhuwah Belia melalui pendekatan latihan dan pelaksanaan program secara berpasukan.

Program ini dianjurkan oleh Belia Imtiyaz dan disokong oleh Majlis Belia Brunei (MBB) dan Masjid YSHHB bersempena Day of Action bagi memperkasa pembangunan belia masjid secara berterusan dan juga bersempena serta 25 Tahun

Sambutan Jubli Perak Masjid YSHHB.

Antara pengisian program adalah Sesi Ceramah yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Md. Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud dan diteruskan dengan aktiviti-aktiviti *teambuilding* dan kerja berpasukan.

Pelaksanaan Program Belia Al-Wahdah dihasrat untuk melatih Ahli Jawatankuasa (AJK) untuk mengurus dan melaksanakan program bagi membina kefahaman peranan serta kemahiran praktikal.

Penekanannya adalah terhadap pembentukan ukhuwah, kerjasama dan kesatuan, selaras dengan matlamat melahirkan belia yang berdisiplin, bertanggungjawab dan



**SESI** Ceramah disampaikan oleh Awang Haji Md. Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud.

berakhlak.

Di samping itu, ia juga bagi mengukuhkan ukhuwah dan hubungan silaturahmi dalam kalangan para peserta dan AJK Program serta mendedahkan AJK Program kepada tanggungjawab dan amanah dalam melaksanakan program.



SERAMAI 40 murid daripada Sekolah Ugama Kampung Bolkiah menghadiri Program Belia Al-Wahdah.

## BERSATU berlepas ke Kuching, Sarawak



SERAMAI sembilan belia menyertai Persidangan Antarabangsa Borneo 2026 (SICO) yang berlangsung di Kuching, Sarawak.

Siaran Akhbar dan Foto : SSEAYP International Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 29 Januari. - Persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (BERSATU) telah menerima undangan daripada Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Keusahawanan Negeri Sarawak melalui Persatuan Kapal Belia Asia Tenggara Malaysia (KABESA) untuk menyertai Persidangan Antarabangsa Borneo 2026 (SICO) yang berlangsung di Kuching, Sarawak dari 30 Januari hingga 2 Februari 2026.

Seramai sembilan belia daripada pelbagai latar belakang, bersama dua orang pegawai pengiring, telah berlepas hari ini bagi menyertai persidangan tersebut.

Setiausaha Agung BERSATU, Awang Paizzal Piluk berkata bahawa persidangan ini merupakan penganjuran kali ketiga, selepas edisi terdahulu yang telah diadakan di Sabah, Malaysia pada tahun 2025.

Beliau turut menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran persidangan ini pada tahun 2027.

Bagi edisi tahun ini, SICO memfokuskan perbincangan kepada aspek perniagaan serta peluang keusahawanan yang boleh diterokai oleh golongan belia. Selain sesi persidangan, para peserta juga berpeluang mengikuti lawatan ke pusat-pusat perniagaan yang diusahakan oleh belia tempatan.

# PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP



SEKITAR Majlis Pengislaman Mike Jian Carlo Tagle yang memilih nama Islamnya sebagai Abdul Hakim bin Abdullah (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Khamis, 29 Januari. - Menurut statistik pengislaman di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi tempoh bermula 1 hingga 28 Januari 2026, seramai 24 orang telah memeluk agama Islam.

Dengan pelaksanaan Majlis Pengislaman hari ini, jumlah tersebut bertambah kepada 25 orang, yang mana lima orang adalah dari Daerah Belait.

Sehubungan itu, satu Majlis Pengislaman bagi seorang remaja lelaki berbangsa Filipina diadakan bertempat di Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah, di sini.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Kampung Pandan 'C', Mukim Kuala Belait, Awang Haji Mohamad bin Haji Tengah serta

Timbalan Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (SMPJNPJAB), Kuala Belait.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Mike Jian Carlo Tagle, berumur 14 tahun, yang memilih nama Islamnya sebagai Abdul Hakim bin Abdullah.

Majlis pengislaman tersebut telah disempurnakan oleh Pegawai Pengislaman daripada Cawangan Da'wah Daerah Belait.

Majlis diteruskan dengan alunan dikir dan disusuli dengan penyampaian cenderahati oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran SMPJNPJAB, Awang Abdul Syafiq Fauzi bin Abdullah Yong sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Penganjuran Majlis Pengislaman di negara ini mencerminkan komitmen berterusan dalam menyebarkan syiar Islam di samping menzahirkan peranan kerajaan dalam membimbing, memelihara dan menyantuni para saudara baharu secara berterusan serta menggalakkan sokongan masyarakat dalam membantu saudara baharu menempuh kehidupan berlandaskan ajaran Islam.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

## Pengumuman bagi Tawaran Tertutup TPK

BAA	BAF	BAK	BAP	BAW	BBA	BBL
BAB	BAG	BAL	BAT	BAX	BBB	
BAC	BAH	BAM	BAU	BAY	BBC	
BAE	BAJ	BAN	BAV	BAZ	BBD	

TPK	Harga Tawaran Minima	Caj Penyertaan Tawaran*	Caj Perkhidmatan (Non-Refundable)
1 Angka	\$5,000.00	\$1,000.00	\$25.00
2 Angka	\$2,500.00	\$500.00	\$25.00

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Januari. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa Tawaran Tertutup Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) bagi satu dan dua angka akan dibuka melalui NomborKu :

Click-and Bid selama dua minggu mulai Sabtu, 31 Januari 2026 hingga Jumaat, 13 Februari 2026.

Penyertaan bagi tawaran tertutup ini akan dilaksanakan melalui aman sesawang NomborKu : [www.nomborku.gov.bn](http://www.nomborku.gov.bn).

Senarai siri-siri TPK yang ditawarkan dan harga tawaran minima, caj penyertaan tawaran dan caj perkhidmatan bagi setiap tawaran TPK boleh rujuk rajah yang disediakan. Caj Penyertaan tawaran akan dikembalikan bagi penender yang

tidak berjaya dalam tawaran tertutup.

Bagi tujuan pembayaran balik, penender yang tidak berjaya nanti perlu mengisi borang permohonan pembayaran balik (*refund*) dengan menyertakan dokumen - dokumen sokongan.

Pembayaran balik caj penyertaan tawaran bagi penender yang tidak berjaya akan mengambil masa 30 hari waktu bekerja setelah JPD menerima permohonan pembayaran balik yang lengkap.

Pembayaran caj penyertaan tawaran dan caj perkhidmatan bagi setiap tawaran TPK boleh dibuat melalui dua kaedah.

Kaedah pertama, pembayaran secara dalam talian (*online*). Hendaklah mempunyai alamat e-mel yang aktif dan mempunyai kad pembayaran (sama ada kad debit atau kad kredit) yang sah.

Kaedah kedua, pembayaran secara tunai melalui kaunter perkhidmatan.

Hendaklah mempunyai alamat e-mel yang aktif; membuat pembayaran bagi mendapatkan Kod Baucar di Kaunter-kaunter Perkhidmatan JPD (kecuali Kompleks Litar Latihan dan Ujian Memandu JPD Sungai Akar) dan mengakses laman sesawang NomborKu [www.nomborku.gov.bn](http://www.nomborku.gov.bn) untuk melengkapkan penyertaan tawaran dengan memasukkan Kod Baucar.

Bagi keterangan lanjut mengenai Click-and-Bid, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang [www.nomborku.gov.bn](http://www.nomborku.gov.bn). Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui talian +673 7181641 (WhatsApp) atau e-mel ke [hello@jpd.gov.bn](mailto:hello@jpd.gov.bn).

## Penaiktarafan SPD bermula 6 - 8 Februari ini

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Januari. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kerja-kerja penaiktarafan Sistem Pengangkutan Darat (SPD) akan dilaksanakan bermula Jumaat, 6 Februari 2026 hingga Ahad, 8 Februari 2026.

Kerja-kerja penaiktarafan SPD ini merupakan usaha berterusan JPD bagi meningkatkan kecekapan dan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran kerja-kerja penaiktarafan, kaunter-kaunter perkhidmatan JPD di ibu pejabat dan cawangan-cawangan daerah akan beroperasi pada Jumaat, 6 Februari 2026 bermula pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.

Di sepanjang tempoh penaiktarafan, semua perkhidmatan JPD secara dalam talian (*online*) melalui aplikasi TransportBN dan portal GOV.BN tidak akan dapat diakses buat sementara. Dalam masa yang sama, perkhidmatan JPD melalui kaunter-kaunter perkhidmatan PosBru Sdn. Bhd. juga tidak akan beroperasi.

Semua kaunter perkhidmatan JPD di ibu pejabat dan cawangan-cawangan daerah, termasuk semua perkhidmatan JPD secara dalam talian (*online*) serta perkhidmatan JPD melalui PosBru Sdn. Bhd. akan kembali beroperasi seperti biasa pada Isnin, 9 Februari 2026.

JPD memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin dihadapi dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan serta kerjasama orang ramai sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja penaiktarafan ini.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui WhatsApp +673 7181641 atau e-mel [hello@jpd.gov.bn](mailto:hello@jpd.gov.bn).



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Pelaburan Asing Terhadap Ekonomi Tempatan'. Tarikh Tutup : 4 Februari 2026
2. 'Vape: Ancaman Senyap Terhadap Kesihatan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 11 Februari 2026
3. 'Belia Masjid Pemangkin Kepimpinan Ummah'. Tarikh Tutup : 18 Februari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# IMARAHKAN MASJID, GALAKKAN PEMBACAAN, PENGHAYATAN AL-QURAN



SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang diadakan di masjid berkenaan.

Saifuddien, diikuti dengan bacaan doa khatam oleh Muslimah masjid berkenaan.

Seterusnya, majlis menyaksikan acara penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta, diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat sebagai tanda penghargaan.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Doa Allah Peliharahan Sultan yang dibacakan oleh Tenaga Pembimbing Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Dayang Nurhafizah binti Haji Ismadi dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Majlis berkenaan bertujuan untuk mengimarahkan masjid serta menggalakkan pembacaan dan penghayatan Al-Quran dalam kalangan Muslimah, di samping mengeratkan hubungan silaturahim sesama Muslimah dan jemaah.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khatam Al-Quran yang diadakan di Khamis, 29 Januari. - Seramai 32 orang Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddien menyertai Majlis

Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Acara dimulakan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, sebelum disusuli

dengan bacaan surah-surah lazim Khatam Al-Quran oleh Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Majlis diserikan lagi dengan Takhtim dan Dikir Marhaban yang dipersembahkan oleh Beliawanis Syababus Salam Masjid Omar 'Ali

## Ke arah kesejahteraan, pembangunan kampung



SESI begambar ramai pada Majlis Muzakarah Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumapas 'A' bersama penduduk kampung, bertempat di Dewan Sekolah Ugama Lumapas.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara para ahli MPK Kampung Lumapas 'A' dan penduduk kampung.

Hadir mempengerusikan muzakarah berkenaan ialah Ketua Kampung Lumapas 'A', Awang Mohammad Asrin bin Haji Bakar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ahli MPK Lumapas 'A', Pengiran Mohd. Amiruddin bin Pengiran Haji Tejudin dan seterusnya ucapan alu-aluan oleh Ketua Kampung Lumapas 'A', Awang Mohammad Asrin.

Dalam ucapan beliau antara lain mengingatkan bahawa

muzakarah ini diadakan dalam semangat muafakat, keterbukaan dan saling memahami agar setiap perkara yang dibangkitkan dapat direalisasikan dan diusahakan penyelesaiannya secara berhemah dan berfakta.

Oleh itu, beliau berharap perbincangan semasa muzakarah ini dapat dilaksanakan dalam suasana yang harmoni, berfikiran terbuka, saling menghormati pendapat, serta berpaksikan kepada matlamat yang sama iaitu kesejahteraan dan pembangunan Kampung Lumapas 'A'.

**LUMAPAS,** Jumaat, 30 Januari. - Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumapas 'A'

bertempat di Dewan Sekolah Ugama Lumapas.

Majlis ini bertujuan sebagai medium perbincangan dan pertukaran pandangan berkaitan isu-isu semasa kampung ke arah kesejahteraan serta pembangunan Kampung Lumapas 'A'.

Di samping itu, ia juga

## Produk makanan mengandungi DNA khinzir

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah ingin memaklumkan bahawa Bahagian Kawalan Makanan Halal Jabatan tersebut telah menerima satu aduan mengenai produk makanan La Pasta Carbonara Flavour Pasta and Sauce jenama San Remo keluaran San Remo Macaroni Co. Pty Ltd 4 Boden Court Windsor Gardens SA, 5087, Australia supaya segera mengasingkan produk tersebut dan menempatkannya di ruangan yang tidak terdedah kepada masyarakat Islam.

KHEU juga ingin mengingatkan kepada para pemilik, pengurus, pengusaha, peniaga, pengimport, pembekal dan pederar agar sentiasa berwaspada serta lebih peka dalam pengurusan produk dan barangan tidak halal di semua

Oleh yang demikian, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di

peringkat pengendalian termasuk semasa pengimportan, penyimpanan di gudang atau tempat simpanan, pengangkutan, pengendalian dalaman serta penjualan di premis perniagaan.

Langkah-langkah ini bertujuan bagi memastikan produk tidak halal untuk diasingkan sepenuhnya daripada produk halal bagi mengelakkan pencemaran silang (*cross-contamination*) dan kekeliruan orang ramai, khususnya masyarakat Islam daripada terjebak mengambil dan menggunakan produk dan barangan gunaan yang tidak halal.

Di samping itu, KHEU merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan terima kasih kepada orang ramai atas maklumat yang disalurkan berhubung perkara ini. Bagi mereka yang ingin membuat aduan serta berkongsi maklumat mengenai penjualan produk tidak halal secara terbuka di premis

perniagaan, bolehlah berhubung terus dengan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah melalui talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.

PRODUK berkenaan dikesan mengandungi DNA khinzir (Porcine).





SILA IMBAS UNTUK  
KHUTBAH LENGKAP

# KEWAJIPAN MENGQADA PUASA



جباتن حال احوال مسجد  
JABATAN HAL EHWAL MASJID,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 11 Sya'ban 1447H / 30 Januari 2026M



## PUASA RAMADAN YANG DITINGGALKAN

**Wajib qada** sebanyak hari yang ditinggalkan.

Tidak kira sama ada puasa itu ditinggalkan dengan sengaja atau pun kerana keuzuran.



## ORANG SAKIT YANG TIDAK ADA HARAPAN UNTUK SEMBUH

Tidak diwajibkan mengqada puasa akan tetapi **wajib membayar fidyah** sebagai ganti puasa yang ditinggalkan.



## PERBUATAN MELENGAH- LENGAHKAN QADA PUASA

Diwajibkan ke atasnya membayar **fidyah dua kali ganda** bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan.

**Jika dia tidak mengqadanya** wajib mengqada satu hari puasa berserta fidyah dua cupak beras.

# Kewajipan mengqada puasa



**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Sekarang kita telah berada di bulan Syaaban iaitu bulan kelapan dalam takwim Hijrah. Syaaban ertinya berpecah belah dan bulan ini dinamakan sedemikian kerana suku-suku Arab berpecah-pecah pergi mencari air. Dalam bulan ini juga telah berlaku peristiwa penting dalam sejarah Islam iaitu peralihan kiblat. Pada awalnya umat Islam menghadap Baitulmuqaddis (Masjid Al-Aqsa), kemudian Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan agar menghadap kiblat ke Kaabah di Masjidilharam. Ini mengajar kita erti taat dan patuh kepada Allah

Subhanahu Wata'ala. Sejak peristiwa itu, sembahyang ditunaikan dengan menghadap Kaabah sebagai kiblat.

Syaaban merupakan salah satu bulan yang mempunyai keistimewaan di dalam Islam. Keadaan ini samalah juga dengan bulan Rejab dan Ramadan yang mempunyai kelebihan yang tersendiri, sehingga menyebabkan kehadirannya sentiasa dinantikan. Daripada Aisyah Radiallahuanha, katanya :

**Maksudnya :** "Bulan yang paling dicintakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda akan berpuasa di dalamnya, adalah bulan Syaaban kemudian meneruskan (puasanya) di dalam bulan Ramadan". (Hadis Riwayat Imam Abu Daud)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah ditanya, mengapa Baginda melebihi berpuasa sunat di bulan Syaaban berbanding bulan-bulan yang lain. Daripada Usamah bin Ziyad Radiallahuanhu, beliau berkata : "Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam satu bulan sebagaimana engkau berpuasa di dalam bulan Syaaban?" Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Itu adalah bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara wajib dan Ramadan. Bulan tersebut adalah bulan-bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Tuhan semesta alam, maka aku suka ketika amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa". (Hadis Riwayat An-Nasaie)

Oleh yang demikian, apabila tiba saja bulan Syaaban, antara perkara yang sering kali terjadi ialah sesetengah individu yang masih berhutang puasa akan bergegas-gegas untuk mengqada puasa

mereka di bulan ini. Justeru, sekiranya kita masih mempunyai puasa Ramadan yang belum lagi diqada, maka qadalah hutang-hutang puasa itu semasa kita masih mampu, sihat dan bertenaga sebelum tibanya bulan Ramadan.

Sesungguhnya puasa Ramadan yang ditinggalkan adalah wajib diqada sebanyak hari yang ditinggalkan itu. Kewajipan mengqada puasa itu tidak kira sama ada puasa itu ditinggalkan dengan sengaja ataupun kerana keuzuran kecuai orang-orang yang benar-benar tidak berdaya mengerjakannya seperti orang sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh. Maka mereka ini tidak diwajibkan mengqada puasa yang ditinggalkan itu, akan tetapi wajib membayar fidyah sebagai ganti puasa yang ditinggalkan. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 184 :

**Tafsirnya :** "Iaitu beberapa hari yang tertentu. Maka sesiapa antara kamu yang sakit atau dalam musafir (boleh dia berbuka, jika dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa sebanyak (hari yang dia berbuka) itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makanan orang miskin. Tetapi sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih daripada yang ditentukan itu maka itu adalah suatu kebaikan baginya dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada membayar fidyah) jika kamu mengetahui".

Perlu diketahui, bahawa perbuatan melengah-lengahkan qada puasa tanpa keuzuran sehingga datang Ramadan yang berikutnya maka diwajibkan ke atasnya mengqada puasa tersebut dan

membayar fidyah. Jika dia tidak mengqadanya juga sehingga datang lagi Ramadan yang seterusnya, maka diwajibkan ke atasnya membayar fidyah dua kali ganda bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan. Ini bererti dia wajib mengqada satu hari puasa berserta fidyah dua cupak beras. Fidyah itu akan terus berganda dari tahun ke tahun selagi dia belum habis menyempurnakan qada puasanya. Akan tetapi qada puasanya itu tidaklah berganda sebagaimana fidyah.

Akhirnya, marilah kita sama-sama sentiasa berusaha mempertingkatkan amal ibadah dan amal kebajikan di bulan Syaaban yang mulia ini semata-mata untuk mendapatkan berkat, rahmat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Quran sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa antara kamu yang berada dalam bulan itu dan menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya) maka hendaklah dia berpuasa dan sesiapa yang sakit atau sedang dalam perjalanan (atau pelayaran dalam bulan Ramadan itu bolehlah dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa pada hari-hari yang lain (sebagai ganti puasa yang ditinggalkan itu). Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan tidak menghendaki kamu menanggung kesusahan. Hendaklah kamu mencukupkan bilangan (puasa Ramadan) itu dan mengagungkan Allah kerana mendapat petunjuk dan supaya kamu bersyukur". (Surah Al-Baqarah, ayat 185)

## Memperkuh jaringan akademik, perkongsian kepakaran

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyertai World Islamic Economics & Finance Conference (9th WIEFC) yang dianjurkan oleh Minhaj University Lahore, Pakistan, pada 24 dan 25 Januari 2026 sebagai Rakan Usaha Sama (Knowledge Partner). Seminar berkenaan diadakan di Lahore, Pakistan.

Persidangan berprestij ini bertemakan 'Envisioning the Next

Frontier in Islamic Economics & Finance: AI Transformation and Geopolitical Realignment' dan mengumpulkan para penyelidik, pembuat dasar, serta pengamal industri dari pelbagai negara bagi membincangkan hala tuju ekonomi dan kewangan Islam dalam era Kecerdasan Buatan (AI) dan perubahan geopolitik global.

UNISSA diwakili oleh Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Dr. Muhd. Zaki bin Haji

Zaini yang berperanan sebagai pembentang ucapatama bagi salah satu sesi teknikal.

Beliau membentangkan kertas kerja bertajuk 'Zakat Management in Brunei Darussalam: Reframing Roles, Correcting Misconceptions, and Strengthening Governance', yang membincangkan mengenai pendekatan tadbir urus zakat di Negara Brunei Darussalam serta cabaran dan penambahbaikan ke arah pengurusan yang lebih berkesan dan berimpak.

Selain itu, beliau turut menjadi ahli panel dalam sesi bertemakan

'Islamic Finance Research and Teaching in the Age of AI: Challenges and Opportunities', yang membincangkan implikasi AI terhadap penyelidikan, pengajaran dan pembangunan ilmu dalam bidang kewangan Islam.

Penyertaan UNISSA dalam persidangan ini mencerminkan komitmen berterusan universiti terhadap pembangunan lestari melalui ekonomi dan kewangan Islam berasaskan ilmu. Penyertaan dalam persidangan antarabangsa seumpama ini bukan sahaja memperkuh jaringan akademik

dan perkongsian kepakaran, malah menyumbang secara langsung kepada pembentukan dasar, penghasilan penyelidikan berimpak tinggi, serta pemindahan ilmu yang relevan dengan keperluan semasa masyarakat dan negara.

UNISSA akan terus memainkan peranan aktif sebagai pusat kecemerlangan ilmu dalam memacu agenda pembangunan ummah dan kesejahteraan sejagat melalui pendidikan, penyelidikan dan kerjasama strategik di peringkat antarabangsa.

## Keputusan peperiksaan SPB Oktober 2025 dikeluarkan

**Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

**BERAKAS,** Jumaat, 30 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan sukacita memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei (SPB) bagi Oktober 2025 akan dikeluarkan pada Sabtu, 31 Januari 2026.

Calon-calon yang telah menduduki peperiksaan berkenaan boleh mengambil slip atau sijil masing-masing di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan semasa waktu bekerja, iaitu pada Isnin hingga Khamis mulai jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 2.00 petang hingga 4.00 petang, manakala Sabtu, mulai jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.



**SUASANA** pada World Islamic Economics & Finance Conference (9th WIEFC) yang dianjurkan oleh Minhaj University Lahore, Pakistan, pada 24 dan 25 Januari 2026.

# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ افْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْئِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ  
سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ  
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ  
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَى بِهِ  
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوهُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوهُ بِذَنْبِي،  
فَاعْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kamil Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مبابوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء )

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأَفْوِضْ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

# SENTIASA PERBAIKI, PERHALUSI KUALITI SEMBAHYANG

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 30 Januari. - Sembahyang tidak hanya memadaikan dengan pergerakan semata-mata, bahkan perlu difahami dari sudut syarat, rukun dan perkara yang membatalkan, termasuk rukun qalbi, qauli dan Fi'li yang perlu dipelajari dan diperhalusi sepanjang hayat.

Manakala, dari sudut tasawuf pula, kekhushyukan sembahyang berkait rapat dengan kebersihan hati, yang sebenarnya dibentuk daripada perkara di luar sembahyang melalui amalan ibadah sunat dan amal kebajikan.

Perkara berkenaan antara

yang ditekankan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammed Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud, dalam tazkirahnya bagi menyerikan Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' yang diadakan pada awal pagi tadi di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara di sini.

Jelasnya lagi, untuk melahirkan sembahyang yang cemerlang, setiap Muslim perlu sentiasa memperbaiki dan menghalusi kualiti sembahyang, sama ada daripada aspek ilmu fiqh seperti rukun, syarat dan perkara

yang membatalkan sembahyang, mahupun dari sudut penghayatan dan kekhushyukan.

Kekhusyukan dalam sembahyang tambahnya, bermula dari kebersihan hati, iaitu dengan sentiasa membersihkan hati daripada dosa, maksiat dan kelalaian, agar sembahyang benar-benar menjadi teras pembinaan insan yang cemerlang, diredai Allah Subhanahu Wata'ala dan membawa keberkatan dalam kehidupan.

Dalam tazkirah Subuh bertajuk 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang', Awang Haji Mohammed Khairul Mu'az seterusnya menjelaskan, sembahyang merupakan teras utama pembinaan insan dan asas dalam melahirkan individu serta masyarakat yang cemerlang di dunia dan akhirat.

"Sembahyang bukan sekadar amalan rutin, bahkan menjadi tiang agama yang menentukan teguh atau runtuhnya kehidupan beragama seseorang Muslim.

"Sembahyang yang sebenar itu juga, berfungsi mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar, menjadi kunci kejayaan hidup, serta kunci untuk meraih syurga Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

Terdahulu, Awang Haji Mohammed Khairul Mu'az menerangkan bahawa peristiwa Israk dan Mikraj berlaku antara dua masjid, iaitu dari Masjidil

Haram ke Masjidil Aqsa, yang mengandungi makna mendalam tentang kemuliaan masjid sebagai tempat penyucian hati dan pusat pembinaan iman.

Katanya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak diisrakkan dari tempat tidurnya, sebaliknya dari masjid ke masjid, sebagai isyarat bahawa masjid merupakan ruang yang mendidik jiwa dan membersihkan hati insan.

Tambahnya, hati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah dibersihkan, dicuci dan diisi dengan iman serta hikmah sebelum peristiwa Mikraj, yang menunjukkan bahawa iman mesti disertai dengan ilmu dan kebijaksanaan.

Daripada peristiwa inilah katanya lagi, disyariatkan sembahyang fardu lima waktu, sekali gus menegaskan bahawa sembahyang menuntut kesucian hati dan kefahaman ilmu agar ia dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Program dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop.

Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' diungkapkan dengan tujuan untuk mengajak umat Islam di negara ini agar

memakmurkan masjid melalui amalan beribadah secara berjemaah, pengajian ilmu dan pelaksanaan aktiviti keagamaan.

Di samping membentuk masyarakat yang berdisiplin, bertanggungjawab serta saling menghormati, program berkenaan juga berperanan menanam rasa cinta terhadap masjid sebagai rumah Allah.

Selain itu, untuk memupuk semangat Negara Zikir dan Negara Berkat melalui penghayatan ajaran Islam dalam kehidupan seharian, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara berasaskan nilai-nilai Islam.



**TAZKIRAH** telah disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammed Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud.

## Doa adalah ikhtiar rohani melibatkan Allah Subhanahu Wata'ala



**MAJLIS** ilmu anjuran Persatuan Siswazah Wanita Brunei Darussalam telah mengambil tempat di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

**KIARONG,** Jumaat, 30 Januari. - Persatuan Siswazah Wanita Brunei Darussalam (PSWNBD) pagi tadi menganjurkan sebuah majlis ilmu bertajuk 'Tazkirah Rahsia Doa dan Tadabbur Surah Al-Baqarah Ayat 186' yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah berserta terjemahannya, diikuti dengan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafriyyah.

Acara seterusnya diserikan dengan alunan qasidah yang disampaikan oleh Dayang Farah Hazwani binti Haji Suhaili daripada Al-Busyra Islamic Event Management.

Acara kemuncak majlis ialah penyampaian tazkirah oleh Dayang Dr. Hajah Fadillah Ulfa dari Bengkulu, Republik Indonesia.

Dalam tazkirahnya, beliau mengupas secara mendalam

hakikat doa yang bukan sekadar permohonan untuk dikabulkan hajat, tetapi sebagai satu ibadah inti yang mencerminkan kebergantungan, kesabaran dan kedekatan seorang hamba kepada Penciptanya.

Beliau turut menekankan bahawa rahsia sebenar doa terletak pada kesungguhan seseorang dalam 'berdiri di hadapan pintu Allah', kesabaran dalam menanti jawapan, serta keikhlasan untuk terus berdoa tanpa jemu dan putus asa.

Dalam tazkirahnya juga menerangkan doa juga dihuraikan sebagai ikhtiar rohani yang melibatkan Allah Subhanahu Wata'ala dalam setiap proses kehidupan, selaras dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dan ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa doa merupakan inti ibadah.

Selain itu, tazkirah turut

menyentuh hakikat kefakiran manusia kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana yang ditegaskan dalam Surah Fatir, ayat 15.

Para hadirin turut diingatkan agar tidak lebih cenderung mengetuk pintu makhluk berbanding pintu Allah Subhanahu Wata'ala, sedangkan hanya Dia Yang Maha Kaya dan Maha Berkuasa dalam memberikan pertolongan yang sebenar.

Majlis diteruskan dengan sesi soal jawab yang membuka ruang perbincangan bermakna antara penceramah dan para hadirin.

Melalui penganjuran program berkenaan, PSWNBD berharap agar masyarakat umum dapat menghayati doa sebagai medium untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala merasai kemanisan bermunajat, serta membina keyakinan bahawa setiap ujian yang dihadapi merupakan ruang untuk memperkukuh hubungan dengan-Nya.

## 31 pain darah berjaya dikumpulkan



**ANTARA** yang menyertai Kempen Derma Darah yang diadakan di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 30 Januari. - Sebanyak 31 pain darah berjaya dikumpulkan semasa Kempen Derma Darah yang diadakan pagi tadi di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, di sini.

Imam Masjid As-Salaam, Awang Haji Hayrul bin Haji Hakim, ketika ditemui Pelita Brunei, berkata, program pendermaan darah tersebut merupakan kali kedua dianjurkan oleh masjid berkenaan dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

"Kali pertama kempen derma darah dianjurkan adalah sempena setahun pembukaan dan penggunaan awal masjid ini iaitu pada bulan Disember 2025.

"Pihak masjid sekali lagi menganjurkan program pendermaan darah ini sebagai kesinambungan kepada usaha kebajikan tersebut," katanya.

Menurut beliau, program pendermaan darah tersebut dibukakan kepada orang ramai, khususnya penduduk Kampung Junjongan serta para jemaah masjid.

Beliau menjelaskan, program berkenaan dianjurkan bertujuan untuk membantu menambah bekalan darah di hospital-hospital di negara ini.

"Sepertimana yang kita sedia maklum, keperluan darah amat tinggi dan sangat diperlukan terutama dalam situasi kecemasan dan rawatan pesakit.

"Oleh itu, usaha ini diharap dapat menjadi salah satu sumbangan daripada pihak masjid kepada pihak hospital dan masyarakat secara keseluruhan.

"Alhamdulillah, penganjuran kempen derma darah ini merupakan salah satu ikhtiar kami untuk berbakti dan membantu pihak hospital dalam memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi," katanya.

Beliau juga menzahirkan harapan agar kempen berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk kampung, para jemaah masjid serta orang ramai supaya lebih ramai tampil menderma darah demi kesejahteraan bersama.

# MEMUPUK KESEJAHTERAAN, KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA



Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sdn. Bhd.



HENGYI Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) telah menganjurkan program bersiri yang bertujuan untuk mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan, termasuk Ceramah Kesihatan Jantung, Kempen Derma Darah Ke-8 dan Pop Up Mini Vendor (atas kiri dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Januari. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) menganjurkan program bersiri yang bertujuan untuk mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan, termasuk Ceramah Kesihatan Jantung, Kempen Derma Darah Ke-8 dan Pop Up Mini Vendor, baru-baru ini.

Dalam Sesi Ceramah Kesihatan Jantung menampilkan dua penceramah jempuan yang berkongsi pandangan tentang kesihatan kardiovaskular dan penjagaan pencegahan.

Penceramah pertama disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pembedahan Jantung dan Perunding Pakar

Bedah Kardiorasik, Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Pengiran Dr. Mohd. Nadzir bin Pengiran Mohd. Juanda, dengan topik 'Powering the Plant Starts with Healthy Hearts'.

Ceramah tersebut menekankan kepentingan kesihatan jantung dalam menyokong kesejahteraan diri, keselamatan tempat kerja, dan prestasi kerja yang berterusan.

Pengiran Dr. Mohd. Nadzir juga menekankan faktor risiko kardiovaskular biasa, tanda amaran awal penyakit jantung, dan langkah pencegahan praktikal yang boleh diguna pakai di tempat kerja dan di rumah untuk menggalakkan

kesihatan jantung jangka panjang.

Ini diikuti dengan ceramah daripada Pakar Diet Kanan, Gleneagles JPMC, Dayang Nor Arfah binti Mohd. Taib, dengan topik 'Heart-Healthy Diet: Steps to Prevent Heart Disease' yang antara lain mengongsikan, panduan pemakanan praktikal, termasuk saiz hidangan yang sesuai, kepentingan mengambil lebih banyak buah-buahan dan sayur-sayuran, memilih bijirin penuh, lemak sihat jenis tidak tepu dan sumber protein rendah lemak, serta mengehendkan pengambilan natrium.

Pekerja juga digalakkan untuk merancang makanan harian secara teliti untuk

menyokong pemakanan yang lebih baik dan kesihatan jantung jangka panjang.

Sempena ceramah kesihatan tersebut, Hengyi Industries turut mengadakan Kempen Derma Darah Ke-8 dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Dianjurkan di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat syarikat 'Hengyi Cares', Kempen Derma Darah tahunan itu bertujuan untuk menyokong usaha negara untuk menambah bekalan darah negara.

Seramai 53 pekerja Hengyi Industries mengambil bahagian dalam kempen tersebut sekali

gus menyumbang 53 pain darah untuk menyokong pesakit yang memerlukan.

Di samping itu, Hengyi Industries turut menganjurkan Pop Up Mini Vendor menampilkan empat vendor makanan dan minuman yang mengambil bahagian dengan mempamerkan pelbagai produk dan memberi peluang kepada pekerja untuk menyokong perniagaan tempatan.

Melalui inisiatif seumpama ini, Hengyi Industries terus memupuk budaya tempat kerja yang menitikberatkan sokongan dan kesejahteraan pekerja, sumbangan kepada komuniti dan penglibatan bermakna melangkaui operasi harian.

## Produk kosmetik dicemari bahan terlarang



**ROSE White & Natural Cream Moisturizer** yang dicemari dengan merkuri.

warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf.

Anak damit dan kanak-kanak kecil boleh terdedah dengan kesan sampingan dari pengguna dan boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan untuk penjualan produk tersebut dan/atau mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah menggunakan produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan *advers* dan berasa tidak sihat selepas menggunakan produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor

dicemari dengan merkuri.

Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Merkuri adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007.

Penggunaan merkuri di dalam produk kosmetik adalah dilarang kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Tahap merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan satu produk kosmetik yang mana hasil dari ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang/ bahan racun berjadual yang tersenarai di dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisytiharkan.

Produk kosmetik tercemar yang berkenaan adalah Rose White & Natural Cream Moisturizer yang

**ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN**

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

dengan segera.

Penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000, penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk

berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208; menghantar e-mel kepada [pharmacy.enforcement@moh.gov.bn](mailto:pharmacy.enforcement@moh.gov.bn); berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong A atau hubungi Talian Darussalam 123.

# SEMBAHYANG KUNCI UTAMA MENUJU SYURGA



ANTARA yang hadir pada Ceramah Khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1447 Hijran yang berlangsung di Masjid Kampung Sungai Besar (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Januari. - Sembahyang merupakan kunci utama menuju syurga serta tiang agama yang menjadi asas kepada pembentukan keimanan dan ketakwaan.

Ibadah solat menjadi kewajipan harian dan berperanan sebagai medium penghubung antara hamba dan Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi, semasa menyampaikan Ceramah Khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1447 Hijrah yang berlangsung di Masjid Kampung Sungai Besar.

Dalam ceramah berkenaan, Awang Mohammad Nasyith juga mengupas kelebihan solat yang mampu menghapuskan dosa-dosa yang lalu, sekiranya dilakukan dengan penuh keikhlasan, khusyuk dan konsisten.

"Solat juga disifatkan sebagai benteng diri daripada perbuatan mungkar serta sumber ketenangan jiwa dan kekuatan rohani," ujarnya.

Beliau juga menekankan kepentingan menunaikan solat secara berjemaah sebagai satu bentuk pengukuhan ukhuwah dalam kalangan umat Islam yang juga berperanan dalam membentuk disiplin, kesepaduan serta semangat kebersamaan dalam masyarakat.

Hadir pada majlis berkenaan,

Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram; Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit; dan Penasihat II Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Sambutan Israk dan Mikraj yang dikendalikan oleh AJK Takmir Masjid Kampung Sungai Besar berkenaan diharap dapat menjadi peringatan dan pemangkin kepada umat Islam untuk terus menjaga kewajipan solat serta menghayati hikmah di sebalik pensyariatan ibadah berkenaan dalam kehidupan seharian.

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar



**ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS**

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

## ISB terima Anugerah Specialist Provision Provider



INTERNATIONAL School Brunei (ISB) telah dianugerahkan Specialist Provision Provider of the Year pada tahun 2025 oleh Tes Awards for International Schools, turut menonjolkan komitmen berterusan ISB terhadap pendidikan yang benar-benar inklusif.

**BELAIT,** Rabu, 28 Januari. - International School Brunei (ISB) telah dianugerahkan Specialist Provision Provider of the Year pada tahun 2025 oleh Tes Awards for International Schools, sekali gus menonjolkan komitmen berterusan ISB terhadap pendidikan yang benar-benar inklusif.

Anugerah ini mengiktiraf penyediaan perkhidmatan pendidikan khas yang sangat berkesan di Pusat Pembelajaran Inklusif (Centre for Inclusive Learning, CIL), ISB di Panaga, Kuala Belait.

"ISB menetapkan penanda aras baharu dalam sokongan inklusif dan diperibadikan untuk pelajar dengan keperluan yang pelbagai,"

ujar Peneraju EdTech Global, Tes. "Kejayaan mereka jelas dilihat melalui peningkatan yang boleh diukur dalam keyakinan diri, kemahiran fungsional dan penyertaan sosial, yang dicapai menerusi program khusus yang memupuk perkembangan individu serta berkakarnya," tambahnya lagi.

Dengan menggunakan alat berasaskan bukti seperti skala penilaian dinamik dan ukuran pencapaian matlamat jelasnya, sekolah ini merekodkan perkembangan akademik, fungsional dan sosial bagi memberikan gambaran holistik terhadap perjalanan pembelajaran setiap pelajar.

Kongsi beliau lagi, pasukan

khusus bekerjasama rapat dengan keluarga dan pakar luar untuk menghasilkan pengalaman pembelajaran yang disesuaikan, manakala pelaburan berterusan dalam pembangunan profesional kakitangan memastikan kecemerlangan.

Berpandukan kepercayaan bahawa setiap pelajar berhak mendapat pendidikan berkualiti tinggi, ISB memupuk keyakinan, daya tahan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Tes Awards for International Schools meraikan sekolah dan pendidik cemerlang di seluruh dunia yang mengubah kehidupan kanak-kanak dan golongan muda melalui pengajaran, kepimpinan

Siaran Akhbar dan Foto : International School Brunei



dan inovasi yang inspiratif.

Berasaskan kejayaan Anugerah Tes Schools yang telah lama dianjurkan di United Kingdom dan sering digelar 'Oscar pendidikan', anugerah ini menonjolkan kecemerlangan dalam sektor sekolah antarabangsa.

Kemenangan ini meletakkan ISB dalam kalangan sekolah antarabangsa terkemuka dunia dan mengukuhkannya sebagai peneraju global dalam penyediaan pendidikan khas.

Anugerah tahun 2025 menyaksikan tahap persaingan yang belum pernah berlaku sebelum ini, dengan jumlah penyertaan meningkat dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya.

Panel hakim bebas yang terdiri daripada pakar telah memilih pemenang daripada senarai pendek yang pelbagai, mewakili sekolah-sekolah dari setiap benua, sekali gus menegaskan kepentingan pencapaian ini.

"Dalam satu langkah perintis, Pusat Pembelajaran Inklusif telah berjaya mengatasi cabaran besar untuk membangunkan ekosistem komprehensif yang mampu memenuhi keperluan yang sangat kompleks bagi pelajar yang pelbagai. Visi berani ini memastikan setiap pelajar disokong untuk mencapai kecemerlangan," umum penghakiman, Vanita Uppal OBE mengenai kejayaan ISB memenangi anugerah tersebut.



**INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**

IPA / PENT / SEBHAR / 354 [2026 - 2027]  
Tawaran Menghadapkan Kertas Cadangan Dan Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Latihan Di Institut Perkhidmatan Awam Bagi Tempoh 1 April 2026 Hingga 31 Mac 2027

**Tarikh Tutup Menghadapkan Sebut Harga:**

Selasa,  
10 Februari 2026  
Jam 9.00 Pagi

**Yuran Pendaftaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**

(151) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)  
Sebut Harga Membekalkan Perkhidmatan Video bagi Pelita Brunei (Quotation of Videography Service for Pelita Brunei Video)

**Yuran:**  
Dikenakan Bayaran BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
5 Februari 2026  
Jam 8.00 Pagi



**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
LUAR NEGERI**

**Bilangan Sebut Harga:**

13 / ASSET.MFA / 2025  
**Tajuk Sebut Harga:**  
Rental Of Photocopier Machine For ASEAN-EU Ministerial Meeting 2026, Ministry Of Foreign Affairs

**Bayaran Sebut Harga:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
11 Februari 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
II, III, IV, V dan VI Sahaja

**Kategori:**  
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**  
10 Februari 2026  
(Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
24 Februari 2026  
(Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 006 / 2026

**Nama Projek:**  
Kontrak Penggal Bagi Operasi dan Penyelenggaraan Untuk Tiga Pam Saliran Di Jabatan Kerja Raya, Daerah Belait Bagi Tempoh 24 Bulan

**No. Projek:**  
2025ADKB/2106/002-003-020

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**



**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
V & VI

**Kategori:**  
B01 & KA01  
Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
3 Februari 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
17 Mac 2026  
Tidak Lewat  
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 38 / CQS / 2025-T / V

**Nama Projek:**  
Design and Build: Retrofitting of Public Works Department Headquarters with Green Initiatives

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)



**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Tarikh Buka Sebut Harga:**  
Isnin,  
19 Januari 2026

**Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada:**  
Isnin,  
2 Februari 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Selasa,  
3 Februari 2026  
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
KHEDN / LTK / 2026-01

**Tajuk Projek:**  
Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikpulihan Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong

**Bilangan Projek:**  
KHEDN / UPE / 2106 / 10

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam**

**Kategori:**  
Terbuka

**Kelas:**  
Terbuka

**Tarikh Buka Sebut Harga:**  
Isnin, 26 Januari 2026

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**  
Isnin, 9 Februari 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Selasa, 10 Februari 2026  
Jam 2.00 Petang

**Bil. Tawaran:**  
KHEDN/LTK/2026-03  
**Tajuk Projek:**  
Kerja-Kerja Membina dan Menaiktaraf Royal DAIS Bagi Daerah Temburong dan Tutong

**Bilangan Projek:**  
KHEDN/UPE/2106/12

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan Semula)



**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam Kategori dan Kelas Terbuka**

**Tarikh Buka Sebut Harga:**  
Rabu,  
28 Januari 2026

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**  
Isnin,  
9 Februari 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Selasa,  
10 Februari 2026  
Jam, 2.00 Petang

**Bil. Tawaran:**  
KHEDN/LTK/2026-02

**Tajuk Projek:**  
Kerja-Kerja Pembaikpulihan dan Menaiktaraf Padang Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

**Bilangan Projek:**  
KHEDN/UPE/2106/11

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan Semula)



**JABATAN PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Tajuk Iklan Tawaran:**  
JAN-1 / 2026 / JAPEM / KRK / RB

To Supply And Install New Waterpump At Kompleks Rumah Kebajikan Subok, Spg 421

**Tarikh Tutup Iklan Tawaran:**  
Khamis,  
5 Februari 2026  
Jam 2.00 Petang



**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
(01-2026) JAPEM / 2.3 / 4 / 03  
Pembekalan Lampin Pakai Buang dan Bantuan Tambahan Bagi Keperluan Warga Emas Untuk Tempoh 6 Bulan

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
5 Februari 2026,  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang




**KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI**

**Bilangan Sebut Harga:**  
MOFE / UPS / Q / 2026-01

**Tajuk Sebut Harga :**  
Pembekal Barang  
Alat Tulis Bagi  
Kegunaan Kementerian  
Kewangan dan Ekonomi  
Selamat Satu (1) Tahun

**Tarikh Tutup:**

Sabtu,  
14 Februari 2026,  
Jam 2.00  
Petang


**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN  
MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Tawaran Bilangan:**  
JDBM / Q / 01 / 2026

**Tawaran:**  
Pakej Pengendalian  
Persembahan Sempena  
Majlis Keberangkatan KDYMM  
Beramah Mesra Bersama  
Rakyat Bertempat di Taman Haji  
Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup:**

Selasa,  
10 Februari 2026,  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang


**JABATAN ALAM SEKITAR,  
TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Negara  
Brunei Darussalam**

**Kelas:**  
II, III atau IV

**Kategori:**  
KPB12

**Tarikh Buka  
Tawaran pada:**  
22 Disember 2025  
(Isnin)

**Lanjutan Tarikh Akhir  
Mengambil Dokumen**

**Tawaran:**  
27 Januari 2026  
(Selasa)

**Lanjutan  
Tarikh Tutup Pada:**  
3 Februari 2026  
(Selasa)  
Sebelum Jam  
2.00 petang

(Di Tutup di Pejabat  
Lembaga Tawaran Kecil,  
di Tingkat Bawah Bangunan

Kementerian Pembangunan,  
Lapangan Terbang Lama  
Berakas,  
Bandar Seri Begawan  
BB3510,  
Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T026 / 2025**  
Kerja-Kerja Pemeliharaan  
Landskap Di Kawasan  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas,  
Negara Brunei Darussalam  
Bagi Tempoh  
Tiga (3) Tahun.

**No. Projek:**  
JASTRE / BL / T026 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**  
BND 30.00  
(Non Refundable)


**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Tawaran**

Term Contract for Airconditioning  
Maintenance to "DCA Buildings"  
For Period of Six (06) Months,  
Brunei International Airport. -  
FSOR

**AME / 2026 – 2027 / SH-02**  
(Kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
21 Januari 2026, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
3 Februari 2026,  
Selasa,  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
4 Februari 2026, Rabu

**Kepada:**  
Pengerusi Jawatankuasa  
Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan dan  
Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
JDT / BPP / 02 / 2025 - 2026

**Tajuk Tawaran:**

Pengurusan Dan Pengendalian  
Tapak Serta Acara Sepanjang  
Tempoh Projek Di Kawasan  
Tanah Lapang Berhadapan  
Dengan Hospital Pengiran  
Muda Mahkota Pengiran Muda  
Haji Al-Muhtadee Billah,  
Tutong.

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
3 Februari 2026


**JABATAN DAERAH TEMBURONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Tajuk Tawaran Ruang Kedai:**  
Pemberitahuan Tawaran Ruang  
Kedai Kosong kepada  
Pengusaha-Pengusaha di  
Kompleks Utama Bumiputera,  
Pekan Bangar Temburong.

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
23 Februari 2026

**Bilangan 1**

**No. Ruang Kedai:**  
NO. A4 – A5 – A6, Aras Bawah

**Keluasan:**  
108m<sup>2</sup>

**Sewa Bulanan:**  
BND450.00

**No. Ruang Kedai:**  
No A1-4, Tingkat Satu

**Keluasan:**  
29.25m<sup>2</sup>

**Sewa Bulanan:**  
BND100.00

**Bilangan 2**

**No. Ruang Kedai:**  
No. B1-10, Tingkat Satu

**Keluasan:**  
7.5m<sup>2</sup>

**Sewa Bulanan:**  
BND30.00

**No. Ruang Kedai:**  
NO. B1-11, Tingkat Satu

**Keluasan:**  
8.75 m<sup>2</sup>

**Sewa Bulanan :**  
BND30.00

**No. Ruang Kedai:**  
No. B1-12,  
No. B1-13,  
Tingkat Satu

**Keluasan:**  
15m<sup>2</sup>

**Sewa Bulanan:**  
BND40.00

**Bilangan 3**

**No. Ruang Kedai:**  
No. C1-1, Tingkat Satu

**Keluasan:**  
18.9m<sup>2</sup>

**Sewa Bulanan**  
BND70.00




# PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400**  
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**

JPE / LTK / JAN / 102 / 2025

**Tajuk:**

Supply And Delivery  
Of Spare Part For Detroit Diesel  
Engine AT Lumut Power Station

**Tarikh Tutup:**

Selasa,  
3 Februari 2026  
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**

BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**

Peti Tawaran  
Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lobi Utama, Aras 1,  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913  
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**

Pembekal Yang  
Berdaftar Dalam Registry  
Of Company And  
Business Names (ROCBN),  
Kementerian Kewangan dan  
Ekonomi

**Dokumen-dokumen**

tawaran dan  
penerangan-penerangan yang  
lanjut bolehlah diperoleh  
dari Kaunter  
Unit Tawaran,  
Tingkat Empat (4),  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Negara Brunei Darussalam.

**Perhatian:**

Sila bawa  
salinan Sijil Pendaftaran di  
Kementerian Pembangunan  
semasa mengambil dokumen  
di Kaunter Tawaran,  
Tingkat Empat (4),  
Ibu Pejabat Jabatan  
Perkhidmatan Elektrik,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran:**

JPE / LTK / MMD /  
130 / 2025

**Tajuk Tawaran:**

Supply And Delivery  
Of Control And Instrumentation  
Spare Parts For  
GTG17 SHOASSKW  
Power Station Lumut

**Tarikh Tutup:**

Selasa,  
24 Februari 2026

**Yuran Tawaran:**

BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Call For Expression Of Interest**

**Tawaran Tapak Bagi  
Menjalankan Perusahaan  
Ternakan Udang Menggunakan  
Teknologi Di Tapak Ternakan  
Udang Lot 16636,  
Pangkalan Sibabau Zon 1,  
Kampung Mentiri,  
Negara Brunei Darussalam**

**Jabatan Perikanan,  
Kementerian Sumber-Sumber  
Utama dan Pelancongan  
memaklumkan adanya  
kekosongan satu lot (1) bagi  
menjalankan perusahaan  
ternakan udang menggunakan  
teknologi di Tapak Ternakan  
Udang Lot 16636,  
Pangkalan Sibabau Zon 1,  
Kampung Mentiri,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Tutup EOI:**

Khamis,  
12 Mac 2026  
Jam 12.00  
Tengah Hari



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 /  
GCAU / MED / TA / 8005  
Pembelian Vaksin-Vaksin  
Bagi Khidmat Perubatan  
dan Kesihatan,  
Tentera Darat Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**

BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)  
Tarikh terakhir bagi  
pembelian Borang Tawaran  
adalah seminggu  
sebelum tarikh tutup tawaran,  
iaitu Selasa, 3 Februari 2026.

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Selasa,  
10 Februari 2026  
2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
LUAR NEGERI**

**Jabatan  
Pertubuhan-Pertubuhan  
Antarabangsa  
Kementerian Hal Ehwal  
Luar Negeri**

**Jawatan-Jawatan Kosong  
Di Sekretariat Komanwel,  
London,  
United Kingdom**

**Jawatan:**  
Economic Adviser

**Kekosongan:**  
1

**Jawatan:**  
Legal Adviser

**Kekosongan:**  
1

**Tarikh Tutup:**  
4 Februari 2026

Untuk makluman,  
maklumat lanjut mengenai  
jawatan-jawatan tersebut  
termasuk permohonan boleh  
didapati melalui pautan berikut:  
<http://thecommonwealth.org/jobs>



**Rujukan Bilangan  
dan Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / CCAU / 02 (1)  
Residential Leasing For RBAF  
Married Staff – Two (2) Years  
Contract (With An Option Of 6  
Months Extension)

**Tarikh Mula Tawaran:**

Rabu  
21 Januari 2026

**Yuran Tawaran:**

BND 500.00  
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah  
**seminggu sebelum  
tarikh tutup tawaran,  
iaitu Isnin,  
16 Februari 2026.**

**Tarikh**

**Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
24 Februari 2026  
2.00 Petang

**Tarikh Information Day:**

Rabu,  
18 Februari 2026  
(Tertakluk Kepada  
Sebarang Perubahan)



**Rujukan Bilangan Dan  
Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / CAU /  
TUDB / TA / 001  
Pembelian Alat-Alat Ganti Ground  
Handling Wheel Bagi Tentera  
Udara Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**

BND 30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Rujukan Bilangan Dan  
Tajuk Tawaran:**

MINDEF / DFA / FY2025 /  
NAU / DEN / TA / 01  
Pembelian Peralatan Dan  
Kelengkapan Pergiagaan  
(Dental Equipment),  
Markas Khidmat Pergiagaan  
Kementerian Pertahanan,  
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**

BND 30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah satu  
minggu sebelum tarikh tutup  
tawaran, iaitu **Selasa,  
27 Januari 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Selasa, 3 Februari 2026  
Jam 2.00 Petang



**MAKLUMAN  
TATACARA PENYAMPAIAN DAN  
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**

**PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN**

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1,  
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja  
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.  
*Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan*

**MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan  
melalui kaunter SPA atau melalui emel di [ulp.spa@spa.gov.bn](mailto:ulp.spa@spa.gov.bn)




**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN  
BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi  
syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**





# PENYAKIT KARDIOVASKULAR



DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:  
penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang **ke-2** tertinggi

## FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

## LANGKAH PENCEGAHAN



Tidak merokok



Ketahui tekanan darah awda



Mengekalkan berat badan yang sihat



Meningkatkan aktiviti fizikal



Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda



Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula



Tangani stres dengan bijak



Elakkan meminum minuman keras

## TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

*Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.*

“Fahami risiko awda”

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular



# MENGUKUHKAN SEMANGAT PERPADUAN, PATRIOTISME PELAJAR

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya  
Foto: Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengendalikan Program Taklimat Kenegaraan bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera

dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' bertempat di Sekolah Menengah Katok. Program yang berlangsung di dewan serbaguna sekolah berkenaan telah dihadiri oleh seramai 158 penuntut Tahun 7. Turut hadir, Pengetua Sekolah Menengah Katok, Dayang

Penrose Saleha binti Haji Mohd. Salleh serta para tenaga pengajar. Taklimat disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, yang antara lain menyentuh mengenai institusi raja, sejarah NBD, tatacara menaikkan dan mengibarkan bendera negara, serta sejarah Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan'. Sebagai pengisian tambahan, Kuiz Kenegaraan turut diadakan bagi meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap isi taklimat yang disampaikan.

Program kemudian diteruskan dengan penyampaian hadiah sumbangan dari Jabatan Penerangan kepada para pemenang kuiz. Program Taklimat Kenegaraan berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai rasa cinta dan taat setia terhadap raja, agama, bangsa dan negara dalam kalangan generasi muda.

Selain itu, ia juga dihasratkan dapat mengukuhkan lagi



**TAKLIMAT** disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris (atas kiri). Manakala gambar atas, antara penuntut yang menyertai Kuiz Kenegaraan.

semangat perpaduan, kenegaraan yang tinggi dalam patriotisme serta jati diri diri para penuntut.

## Pelan Strategik MHBPT ketengahkan hala tuju, perancangan jangka sederhana

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami



**ANTARA** pengisian yang dipaparkan di ruang pameran masjid bersempena dengan Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Intan MHBPT dan Pelan Strategik MHBPT 2026 - 2030 telah diadakan di Dewan Utama masjid berkenaan (atas dan atas kanan).

**TUTONG,** Rabu, 28 Januari. - Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT) yang terletak di Pekan Tutong merupakan mercu tanda keagamaan ibarat sinaran cahaya dan lambang keislaman yang kuat di Daerah Tutong sejak penubuhannya.

MHBPT dibina pada pertengahan 1960-an hasil daripada tanah wakaf oleh Allahyarham Abdul Latif bin Khataf, dan Allahyarham Mohd. Daud bin Bujang.

MHBPT dirasmikan pada 9 Jamadilawal 1386 Hijrah bersamaan 26 Ogos 1966 Masihi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang pada ketika itu, baginda bergelar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah. Perkara yang berkisar mengenai

latar belakang sejarah dan peristiwa penting awal penubuhan MHBPT berkenaan antara pengisian yang dipaparkan di ruang pameran masjid bersempena dengan Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Intan MHBPT dan Pelan Strategik MHBPT 2026 - 2030 yang diadakan di Dewan Utama masjid berkenaan.

Dalam tinjauan Pelita Brunei di ruang pameran berkenaan hari ini, beberapa koleksi keratan akhbar dan gambar-gambar lama mengenai sejarah dan perkembangan MHBPT sejak ia ditubuhkan, selain gambar-gambar semasa Sambutan Jubli Emas MHBPT pada 2016 antara yang dimuatkan di ruang pameran berkenaan.

Sementara itu, ruang pameran turut mengetengahkan mengenai Pelan Strategik MHBPT 2026 hingga 2030 yang dihasilkan sebagai panduan hala tuju dan perancangan jangka sederhana merangkumi aspek pentadbiran,

pengimaran, pendidikan, kebajikan serta pembangunan komuniti.

Pelan strategik berkenaan mengandungi pelbagai program dan inisiatif yang lebih bersistematik dan terancang bagi 2026 hingga 2030 dengan harapan agar MHBPT dapat mencapai kecemerlangan dalam semua aspek sekali gus menjadi inspirasi dan model kejayaan bagi semua masjid di Negara Brunei Darussalam.

Visi Pelan Strategik MHBPT 2026 hingga 2030 ialah menjadikan MHBPT sebagai masjid cemerlang dan berwawasan sebagai pusat keagamaan, pendidikan dan kemasyarakatan yang unggul serta menyemarakkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian kepada masyarakat selaras dengan aspirasi negara dan nilai-nilai Islam.

Menyentuh mengenai rangka strategi bagi Pelan Strategik MHBPT 2026 hingga 2030 yang merangkumi tiga tunjang strategi, iaitu Pembangunan Infrastruktur, Peningkatan Program Agama, dan juga Masyarakat Bertakwa.

Inisiatif-inisiatif yang ditumpukan di bawah tunjang strategi Pembangunan Infrastruktur ialah penyelenggaraan aset berjadual, menaik taraf dewan utama serbaguna, bilik VVIP dan bilik perpustakaan, menaik taraf bilik jenazah dan kemudahan untuk golongan Orang Kelainan Upaya(OKU).

Sementara, di bawah tunjang strategi Peningkatan Program Agama pula, antara inisiatif yang difokuskan ialah pengembangan program agama, pendidikan Al-Quran dan juga program pendidikan sosial.

Manakala, inisiatif-inisiatif berkisar penjagaan kebersihan, penghijauan masjid, penggunaan media, meningkatkan program belia, meluaskan peranan masjid dalam aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan, serta kerjasama dengan agensi-agensi luar juga merupakan



yang diberi tumpuan di bawah tunjang strategi Masyarakat Bertakwa.

Selain itu, inisiatif pemboleh strategi bagi Pelan Strategik MHBPT 2026 hingga 2030 pula meliputi perancangan jangka panjang yang penyediaan pelan strategik lima tahun yang mengandungi hala tuju masjid yang lebih jelas dan mampu memainkan peranan lebih besar selain yang ada sekarang.

Usaha memantapkan pentadbiran masjid juga sebagai salah satu pemboleh strategi dalam pelan strategik MHBPT berkenaan antaranya dari segi pengurusan yang bersistematik dengan memastikan kelancaran operasi melalui pengukuhan struktur organisasi yang jelas, latihan kerja dan pengurusan, perlantikan ahli jawatankuasa yang kompeten, pengurusan pekerja dan sukarelawan yang lebih teratur.

Di samping itu, usaha meningkatkan sumber dana dan kewangan masjid juga menjadi pemboleh strategi bagi Pelan Strategik MHBPT 2026 hingga 2030, iaitu antaranya dengan meletakkan tabung-tabung masjid dengan lebih strategik dan memberikan kesedaran tentang kepentingan sumbangan

masyarakat dalam pembangunan masjid.

Begitu juga usaha penggunaan platform dalam talian untuk menyumbang kepada masjid, menyewakan dewan, bilik dan ruang masjid untuk majlis pernikahan, perkahwinan dan sebagainya.

Dalam pada itu, ruang pameran turut diserikan dengan Kempen Kesedaran, Kebersihan dan Pendidikan MHBPT yang bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran jemaah terhadap kepentingan menjaga masjid, mendidik masyarakat mengenai adab dan amalan kebersihan di masjid, memupuk rasa tanggungjawab bersama dalam memelihara kesucian rumah Allah serta mewujudkan persekitaran masjid yang bersih, selesa dan harmoni.

### IKLAN

**DynamicsGrow**, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. **Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.**

# 43 PAINDARAH BERJAYA DIKUMPULKAN

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 28 Januari. - Orang ramai adalah diseru untuk tampil ke hadapan bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di

Negara Brunei Darussalam dengan mengambil bahagian dalam Kempen-kempen Menderma Darah.

Sehubungan dengan itu, Pusat

**ANTARA** yang hadir menyertai Kempen Derma Darah anjuran Vistra Sdn. Bhd. (kiri dan kanan).

Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan pagi tadi mengendalikan Kempen Derma Darah yang terbuka kepada orang ramai anjuran Vistra Sdn. Bhd. bertempat di Tingkat 3, Bangunan Wisma Jaya, di ibu negara.

Melalui kempen berkenaan, sejumlah 43 paim darah telah berjaya dikumpulkan.

Kempen Menderma Darah berkenaan bertujuan untuk menggalakkan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat, selain untuk meningkatkan kesedaran tentang manfaat menderma darah terhadap tubuh badan dan kesihatan penderma serta memupuk nilai mulia yang boleh menyelamatkan nyawa seseorang yang memerlukan.



## Istiqamah asas kekuatan iman, keteguhan akhlak seorang Muslim

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Alishahrin Haji Mumin



**ISTIQAMAH** dalam bersikap sabar, amanah, rendah hati dan berbuat baik kepada orang lain akan membentuk peribadi yang mulia.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 28 Januari. - Istiqamah merupakan nilai yang sangat tinggi kedudukannya dalam ajaran Islam.

Dalam kehidupan yang penuh dengan ujian dan cabaran, istiqamah menjadi asas kepada kekuatan iman dan keteguhan akhlak seseorang Muslim.

Ia bukan sekadar amalan luaran tetapi keadaan hati yang konsisten dalam ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, berpegang teguh kepada kebenaran serta menjauhi perkara yang dilarang walaupun berhadapan dengan kesukaran dan goदान dunia.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fussilat, ayat 30 : "Sesungguhnya orang-orang yang berkata : "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka meneguhkan pendirian maka malaikat akan turun kepada mereka (sambil berkata) : "Janganlah kamu takut dan janganlah kamu berdukacita, serta bergembiralah dengan syurga

yang telah dijanjikan kepada kamu."

Ayat berkenaan menggambarkan betapa orang yang istiqamah itu tidak mudah berasa takut kerana ia mempunyai keteguhan hati, kuat keyakinannya serta kukuh pendiriannya kepada Allah Subhanahu Wata'ala, selain tidak mudah berasa sedih terutama apabila kehilangan sesuatu kerana ia berasa semua itu adalah memang milik Allah Subhanahu Wata'ala.

Iman tidak cukup sekadar dirasakan tetapi perlu dibuktikan dengan melaksanakan amal ibadah dan ketaatan secara konsisten meskipun amalan berkenaan kelihatan kecil dan sederhana kerana amalan yang sedikit tetapi berterusan adalah lebih afdal atau lebih baik daripada melakukan amalan yang banyak tetapi hanya sekali-sekala.

Seorang Muslim yang istiqamah akan berusaha menjaga solat, memelihara akhlak, berlaku jujur dalam urusan harian dan sentiasa

memperbaiki hubungannya dengan Allah Subhanahu Wata'ala serta sesama manusia.

Keindahan istiqamah juga terserlah dalam pembentukan akhlak seperti yang dititikberatkan dalam ajaran Islam.

Istiqamah dalam bersikap sabar, amanah, rendah hati dan berbuat baik kepada orang lain akan membentuk peribadi yang mulia.

Walaupun seseorang mungkin tidak sempurna, usaha berterusan untuk melakukan kebaikan kerana Allah Subhanahu Wata'ala adalah nilai yang sangat dihargai dalam Islam.

Istiqamah turut memainkan peranan penting dalam kehidupan bermasyarakat dengan memelihara keharmonian dan keadilan.

Masyarakat yang berpegang kepada nilai Islam dan mengamalkan istiqamah dalam menunaikan tanggungjawab sosial, menjaga hak orang lain serta menolak kezaliman menjadi asas kepada pembentukan ummah.

Dari sudut kepimpinan pula, Islam menuntut pemimpin agar istiqamah dalam melaksanakan amanah.

Pemimpin yang takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan konsisten dengan prinsip keadilan, kejujuran dan kebajikan rakyat akan mendapat kepercayaan serta keberkatan dalam pentadbirannya.


Selain itu, istiqamah dalam kepimpinan memastikan setiap keputusan selaras dengan syariat dan membawa kebaikan jangka panjang kepada umat.

Namun demikian, istiqamah bukanlah sesuatu yang mudah. Ia menuntut kesabaran yang tinggi, mujahadah melawan hawa nafsu serta melaksanakan syariatnya dengan tekun, tidak berubah dan tidak berpaling dalam apa jua keadaan sekalipun.

Oleh itu, Islam mengajar umatnya agar sentiasa berdoa memohon agar iman dan hati sentiasa diteguhkan di atas agama Allah Subhanahu Wata'ala.

**AWASI KELAJUAN, BERI PERHATIAN KEPADA JALAN RAYA.**

**WATCH YOUR SPEED, WATCH THE ROAD.**



**NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL**  
BERNEKARUJALAM



**TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA, JAUHI TELEFON BIMBIT.**

**WATCH THE ROAD, KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.**

Road Safety Depends on #YouAndMe



# Program WISE serlah semangat juang warga emas dukung Wawasan Brunei 2035

Rencana dan Foto : Nurdiyana Rajami

**W**ARGA emas merupakan aset yang sangat bernilai bagi sesebuah negara kerana jasa dan sumbangan mereka dalam membangun masyarakat dan negara, serta pengetahuan dan pengalaman mereka yang boleh dimanfaatkan oleh generasi seterusnya sebagai teladan dan panduan hidup. Warga emas wajar dihormati dan diberi perhatian, serta hak dan keperluan mereka perlu dijaga demi memastikan kelangsungan kualiti kehidupan yang lebih bermakna.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat mengenai kesejahteraan, hal ehwal dan kepentingan warga emas selaku golongan insan yang wajar dihormati dan dijaga.

Dalam pada itu, Pertubuhan WARGAMAS ditubuhkan untuk menjadi sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam menyatupadukan semua warga emas di seluruh negara untuk sama-sama mendukung pembangunan, kemajuan, kesejahteraan, keharmonian, agama, bangsa dan negara demi kebaikan bersama.

Dari semasa ke semasa, Pertubuhan WARGAMAS terus dilihat bersifat proaktif,

*mengelinga* dan pemedulian, dan akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan rakan-rakan strategik yang lain selaku pemimpin akar umbi, di samping terus menjadi suara dan telinga rakyat untuk memperkukuhkan lagi usaha menjalin kerjasama dengan masyarakat, terutama sekali golongan warga emas demi sama-sama mencapai matlamat NBD.

## Program WISE memperluaskan jalinan strategik

Sekitar pertengahan bulan Januari lalu, Pelita Brunei berkesempatan meninjau kemeriahan salah satu program yang mencerminkan usaha berterusan Pertubuhan WARGAMAS dalam mendukung hasrat Kerajaan Kebawah DYMM bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 melalui pendekatan Whole of Nation yang dikenali dengan nama Program WISE atau WARGAMAS Inspirasi Ekonomi.

Program yang diadakan di kawasan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara selama dua hari bermula dari 13 hingga 14 Januari itu telah diungkuhkan dengan kerjasama YSHHB, Bank Usahawan, D'sunlit Sendirian Berhad dan Kompleks Bangunan YSHHB, serta dikendalikan bersama oleh Biro Ekonomi dan Biro Warganita, Pertubuhan WARGAMAS.

Pelaksanaan Program WISE berfungsi sebagai platform untuk memperluaskan jalinan rakan strategik dan kolaborasi antara Pertubuhan WARGAMAS dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan Badan - badan Bukan Kerajaan (NGOs).

Sehubungan itu, Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don semasa ditemu bual Pelita Brunei antaranya menjelaskan sejak tahun 2024, Pertubuhan WARGAMAS melalui Biro Ekonomi dan Biro Warganita

telah memulakan misi untuk menjana sumber kewangan pertubuhan serta meningkatkan pendapatan ahli terutama golongan wanita yang aktif dalam bidang perniagaan.

Pastinya dengan adanya kolaborasi antara kedua-dua biro berkenaan, tambah beliau, ia berperanan sebagai jentera utama dalam menjana sumber kewangan berasaskan kemahiran dan pengalaman Ahli Pertubuhan WARGAMAS dalam bidang urusan rumah tangga seperti memasak, menjahit, menyulam, kraf tangan, gubahan bunga hidup dan perhiasan, selain hal ehwal wanita.

"Pendekatan sedemikian dilihat sebagai satu penyaluran yang sihat ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, yang menekankan rakyat berpendidikan tinggi, berkemahiran, memiliki kualiti kehidupan yang tinggi serta ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan," ujarnya lagi.

## Kemeriahan Tamu Bulanan

Kemuncak pelaksanaan Program WISE berkenaan telah menengahkan Tamu Bulanan yang disertai oleh 18 vendor daripada ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS dan lima vendor lagi dari pihak YSHHB. Pelbagai produk jualan menarik merangkumi makanan dan minuman, barangan perhiasan, baju, bunga-bunga hidup dan sebagainya telah mewarnai meja-meja jualan mereka yang terlibat.

Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS turut menambah bahawa program berkenaan sememangnya terbukti menjadi saluran untuk menjana sumber kewangan melalui potensi, kemahiran dan pengalaman para peserta, selain mencungkil bakat baharu serta mengembangkan potensi sedia ada untuk disebarluaskan ke peringkat nasional melalui penganjuran peraduan dan pameran berkaitan bidang memasak, menjahit, gubahan bunga hidup, urusan rumah tangga serta hal ehwal wanita dan warga wira.

"Sebagai pengiktirafan terhadap penglibatan dan usaha Ahli Pertubuhan WARGAMAS serta rakan strategik, produk yang dihasilkan melalui program ini akan dijadikan sebagai inspirasi dalam menjana ekonomi yang lebih terjamin, khususnya

kepada warga emas dan generasi muda di negara ini.

"Usaha ini juga dihasratkan dapat meningkatkan lagi produktiviti sebagai *trademark* Pertubuhan WARGAMAS dalam bidang ekonomi, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dan *mahabbah* antara ahli, rakan strategik serta orang awam," kongsiya di akhir temu bual.

Sepanjang Program WISE berlangsung, ia turut dimeriahkan dengan peraduan yang merangkumi empat kategori yang dibukakan kepada Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS, YSHHB dan Bank Usahawan, iaitu peraduan Memasak (Ikan Rebus), Mengubah Bunga Hidup, Kraf tangan atau Kreatif serta Menganyam ketupat.


## Tiada yang baharu, jika tiada yang lama

Hadirnya golongan warga emas bukan hanya kaya dengan pengalaman dan pengetahuan yang bermanfaat terutamanya bagi generasi muda, bahkan mereka juga aset yang amat bernilai kepada negara.

Namun untuk memastikan mereka terus bernilai dan menawarkan pengalaman mereka kepada generasi baharu, kesihatan peribadi perlu dititikberatkan sama ada oleh warga emas itu sendiri, anak-anak dan ahli keluarganya yang lain. Untuk itu, mereka amat digalakkan melakukan aktiviti harian secara aktif kerana kecergasan mereka pastinya akan mempengaruhi minda dan emosi serta menyumbang kepada kesejahteraan bersama, di samping menjaga pemakanan dalam kehidupan sehari-hari.

Memang tidak dapat disangkal lagi dan sudah menjadi fitrah kehidupan, kita akan menghadapi usia senja di mana secara semula jadinya kita akan berada dalam serba kekurangan berbanding masa muda sama ada dari segi kekuatan fizikal, daya ingatan dan juga emosi. Oleh itu, pendekatan secara Whole of Nation adalah sangat penting dalam usaha untuk terus menjana kebajikan dan kesejahteraan warga emas di negara ini, sekali gus membawa kedudukan mereka ke tahap yang lebih baik dalam sama-sama menghadapi dunia yang kini semakin mencabar.





# Notis Tidak Menggunakan Kenderaan

Oleh : Nurul Rasyidah  
Mohamad Rosland  
Ilustrasi : Haji Khairulanwar  
bin Haji Ibrahim

**J**ABATAN Pengangkutan Darat (JPD) berperanan sebagai agensi utama yang mengurus dan mentadbir sistem pengangkutan darat di Negara Brunei Darussalam (NBD) secara terancang dan berkesan. Sejalan dengan visinya untuk mewujudkan sistem pengangkutan darat yang pintar dan terhubung, JPD terus komited melaksanakan misinya dalam memastikan sistem pengangkutan darat yang terhubung, dipercayai dan mampan demi menyokong mobiliti negara.

Antara peranan utama JPD termasuk menyediakan perkhidmatan perlesenan kenderaan dan pemandu melalui kaunter serta secara dalam talian, meneliti akta dan peraturan lalu lintas jalan raya bagi memastikan keselamatan kenderaan dan pemandu, di samping mentadbir standard keselamatan kenderaan bermotor dan pemanduan jalan raya secara teratur, berhemah

dan sistematik selaras dengan keperluan industri automobil dan pendidikan pemandu.

Dalam usaha memastikan sistem pengangkutan darat di NBD diurus secara teratur, cekap dan berlandaskan undang-undang, JPD telah membuat beberapa inisiatif dalam memastikan keselamatan orang ramai iaitu dengan menyediakan perkhidmatan Notis Tidak Menggunakan Kenderaan (Notice of Vehicle Non-Use).

## Tujuan pengisytiharan kenderaan tidak digunakan

Perkhidmatan tersebut membolehkan pemilik kenderaan membuat pengisytiharan rasmi untuk tidak menggunakan kenderaan mereka di jalan raya awam bagi tempoh tertentu, sekali gus mengecualikan pemilik kenderaan daripada kewajipan membayar lesen kenderaan (*road tax*) sepanjang tempoh kenderaan tersebut tidak digunakan. Notis Tidak Menggunakan

Kenderaan boleh dipohonkan antara lain jika kenderaan tidak digunakan bagi satu tempoh atas alasan seperti kenderaan rosak dan masih menunggu alat ganti. Selain itu, pemilik kenderaan yang berada di luar negara bagi tempoh yang panjang juga boleh memanfaatkan perkhidmatan ini kerana kenderaan mereka tidak digunakan sepanjang mereka berada di luar negara. Kenderaan yang disimpan secara kekal di tempat letak kereta persendirian dan tidak digunakan di jalan raya awam turut layak untuk diisytiharkan sebagai kenderaan tidak digunakan.

## Larangan penggunaan kenderaan sepanjang tempoh notis

Walau bagaimanapun, Kenderaan yang telah dipohonkan notis tidak dibenarkan sama sekali berada atau dipandu di jalan raya awam sepanjang tempoh notis berkuat kuasa.

## Prosedur permohonan di JPD

JPD telah menetapkan beberapa langkah yang perlu dipatuhi bagi mendapatkan Notis Tidak Menggunakan Kenderaan. Pemilik kenderaan hendaklah berkunjung ke kaunter perkhidmatan JPD untuk menghadapkan permohonan, sama ada di Ibu Pejabat atau di cawangan-cawangan


daerah, kecuali di Kompleks Latihan dan Ujian Memandu Litar Sungai Akar. Pemohon perlu mengisi Borang Notis Tidak Menggunakan Kenderaan dengan lengkap dan tepat bagi mengelakkan sebarang kelewatan dalam proses permohonan.

## Bagaimanakah cara membuat pengisytiharan Notis Tidak Menggunakan Kenderaan?

Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi JPD ([www.jpd.gov.bn](http://www.jpd.gov.bn)) atau diperolehi di Ibu Pejabat serta cawangan-cawangan daerah JPD. Bayaran sebanyak BND5 dikenakan untuk tempoh satu tahun bagi setiap kenderaan yang dipohonkan.

Pemohon juga dikehendaki menyertakan beberapa dokumen sokongan seperti Salinan Kad Pengenalan Pintar atau Sijil Pendaftaran Syarikat dan juga Buku Pendaftaran Kenderaan. Sekiranya pemilik berhasrat untuk melanjutkan tempoh tidak menggunakan kenderaan selepas tempoh berakhir, permohonan baharu hendaklah dihadapkan semula kepada pihak JPD. Dari segi tempoh pemrosesan, JPD menetapkan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) selama tiga hari waktu bekerja.

Pemilik kenderaan perlu peka terhadap tempoh sah notis tersebut. Sekiranya kenderaan masih belum digunakan selepas tamat tempoh setahun dari tarikh kelulusan permohonan, pemilik perlu mengemukakan permohonan baharu bagi melanjutkan status tidak menggunakan kenderaan. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kenderaan tersebut dianggap aktif dan tertakluk kepada peraturan serta bayaran yang berkuat kuasa.



# BBC ADAKAN MUZAKARAH KHAS

■ Siaran Akhbar dan Foto : Bersatu Bikers Club

**JERUDONG**, Rabu, 28 Januari. - Ahli Jawatankuasa Tadbir Bersatu Bikers Club (BBC) baru-baru ini telah mengadakan Muzakarah Khas bagi persediaan konvoi ke Bintulu yang akan berlangsung 7 hingga 8 Februari 2026.

Hadir ke muzakarah tersebut yang diadakan di Park View Hotel, Jerudong ialah Yang Dipertua, (BBC 10) Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi.

Muzakarah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Setiausaha 1, (BBC 18) Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Bakar, diikuti dengan ucapan alu-aluan dari Yang Dipertua BBC kemudian diteruskan dengan penerangan daripada Timbalan Yang Dipertua BBC dan sesi soal jawab daripada kalangan ahli yang hadir.

Dalam muzakarah tersebut, Setiausaha 1 juga mengongsikan aktiviti BBC yang akan dibuat

dalam bulan Januari sehingga bulan Disember 2026.

Sebelum majlis bersurai, Yang Dipertua BBC telah menekankan bahawa harapan BBC untuk terus maju hanya memerlukan kerjasama, kesefahaman dan kesukarelaan ahli dengan menanamkan sifat yang komited.

Majlis diakhiri dengan bacaan Surah Al-Asr beramai-ramai dan ditutup dengan bacaan doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, Penasihat BBC merangkap Pengerusi Kelengkapan, (BBC 35) Awang Alex Quraine @Ali bin Haji Jair dan Timbalan Yang Dipertua, (BBC 21) Pengiran Mohammad Aderus bin Pengiran Haji Tengah.

Juga hadir, Setiausaha 1, (BBC 18) Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Bakar; Pengerusi Kewangan, (BBC 66) Awang Haji



SESI bergambar ramai pada Muzakarah Khas bagi persediaan konvoi ke Bintulu yang akan berlangsung 7 hingga 8 Februari 2026.

Abdul Latip bin Hassan; Pengerusi Keselamatan, Kebajikan dan Riadah, (BBC 137) Awang Bahrin bin Haji Timbang

bersama (BBC 237) Dayang Rosdiana binti Haji Mohammad Salleh.

Turut hadir, Pengerusi Keagamaan dan Kerohanian, (BBC 200) Dayang Kamsiah binti

Haji Layeh; Pengerusi Hiburan, (BBC 46) Awang Asri bin Amadi dan (BBC 182) Dayang Royah binti Haji Mudin serta beberapa orang Ahli BBC yang terlibat ikut serta dalam acara konvoi.

## Larangan memasuki kawasan Tanah Perkuburan Islam Luagan Kelumpang

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Januari. - Berikutan kejadian tanah susur yang berlaku di kawasan Tanah Perkuburan Islam Luagan Kelumpang, Kampung Sinaut, Daerah Tutong pada Jumaat, 9 Januari 2026 akibat hujan lebat yang berterusan.

Sehubungan dengan itu, merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Tindakan Susulan Tanah Susur di Tanah Perkuburan Islam Luagan Kelumpang, Kampung Sinaut yang terdiri

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama, serta Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, orang ramai adalah dilarang memasuki Kawasan Tanah Perkuburan Islam Luagan Kelumpang, Kampung Sinaut buat sementara waktu kerana keadaan kawasan tersebut yang tidak selamat dan boleh membahayakan keselamatan awam.

Larangan ini dikuatkuasakan sebagai langkah pencegahan awal bagi mengelakkan sebarang risiko

kemalangan, kecederaan atau kejadian yang tidak diinginkan, sementara kerja-kerja penilaian keselamatan serta tindakan lanjut sedang dijalankan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Orang ramai adalah dipohon untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dengan mematuhi segala arahan yang telah dikeluarkan serta mengelakkan diri daripada menghampiri kawasan yang telah ditandakan sebagai kawasan larangan.

## Operasi Usai kesan 2 kesalahan



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh semasa menjalankan Operasi Usai 12 / 2026 di Kampung Kilanas.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 28 Januari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 12 / 2026 di Kampung Kilanas pada 20 Januari 2026, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan telah mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 112(1), menggaji pekerja asing tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh yang mana majikan yang tidak mempunyai Lesen Perkhidmatan Domestik didapati menggaji pekerja perkhidmatan domestik jaminan majikan lain.

Kemudian, Bab 112(2), melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Domestik bagi majikan sah iaitu pemilik Lesen Perkhidmatan Domestik tersebut yang mana telah didapati menyalahgunakan lesen dan tidak memberikan pekerjaan kepada pekerja yang telah dijamin.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti pekerja-pekerja domestik yang di bawah jaminan sah hendaklah diberikan pekerjaan dan tidak meminjamkan untuk bekerja kepada orang lain.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



**سوروهنجاي قرحدمتن عوام**  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?



**Layari [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn) dan semak "Kalendar Saya"**

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn



## FILIPINA GESA ASEAN KEKAL MENAHAN DIRI, BERDIALOG DI TENGAH CABARAN KESELAMATAN YANG BERKEMBANG

**CEBU CITY (Filipina), 29 Jan.** - Filipina, selaku Pengerusi ASEAN pada Khamis menggesa negara anggota ASEAN supaya kekal menahan diri, berdialog dan mematuhi undang-undang antarabangsa, sambil memberi amaran bahawa cabaran keselamatan di Asia Tenggara telah "berkembang dan bersifat pelbagai dimensi".

Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina Ma. Theresa P. Lazaro berkata persekitaran keselamatan geopolitik global bukan sahaja menjadi lebih mencabar, malah lebih kompleks dan saling berkaitan.

Beliau berkata di seluruh Asia Tenggara, rantau ini terus berdepan ketegangan maritim, konflik

dalam yang berlarutan, selain isu sempadan dan kebimbangan kemanusiaan yang masih belum diselesaikan.

Di luar Asia Tenggara pula menurut beliau, tindakan unilateral yang membawa implikasi rentas rantau terus menjejaskan kestabilan serantau dan menghakis institusi multilateral dalam orde antarabangsa berasaskan peraturan.

"Secara keseluruhannya, realiti ini menggariskan kepentingan berterusan prinsip ASEAN yang diamalkan sekian lama iaitu menahan diri, dialog dan pematuhan undang-undang antarabangsa dalam usaha mengekalkan

keamanan dan kestabilan demi rakyat kita," katanya dalam ucapan pembukaan pada Permukiman Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) di sini.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Mohamad Hasan turut hadir pada permukiman itu bersama rakan sejawat ASEAN yang lain.

Permukiman AMM merupakan mesyuarat utama pertama di bawah tonggak Komuniti Politik - Keselamatan ASEAN (APSC) semasa Kepengeruisan ASEAN-Filipina 2026.

Lazaro berkata permukiman itu menyediakan platform kepada negara anggota ASEAN untuk menilai keutamaan blok berkenaan

serta bertukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan global yang memberi kesan langsung kepada Asia Tenggara.

Beliau berkata permukiman itu juga diadakan pada detik penting apabila blok itu memulakan pelaksanaan Visi Komuniti ASEAN 2045, yang akan menjadi panduan kepada perjalanan ASEAN ke arah komuniti yang berdaya tahan, inovatif dan berteraskan rakyat bagi dua dekad akan datang.

Menurut Lazaro, Filipina sebagai Pengerusi ASEAN berpandangan tema "Mengemudi Masa Depan Kita, Bersama" dan berpaksikan kepada tiga keutamaan -- tonggak

keamanan dan keselamatan, koridor kemakmuran, serta pemeraksanaan rakyat - yang mencerminkan kepercayaan bahawa kestabilan, pertumbuhan dan keselamatan insan perlu bergerak seiring.

"Kami berhasrat memastikan matlamat strategik ASEAN diterjemahkan kepada hasil konkrit yang berteraskan rakyat," katanya, sambil menambah Filipina bersedia bekerjasama rapat dengan negara anggota, Sekretariat ASEAN dan rakan kongsi luar sepanjang kepengeruisannya bagi memberikan manfaat yang bermakna dan praktikal kepada komuniti ASEAN. - ©BERNAMA

## Pesawat kecil terhempas di Colombia, 15 termasuk anggota kongres maut

**RIO DE JANEIRO, 29 Jan.** - Seramai 15 individu, termasuk seorang anggota Kongres Colombia maut apabila sebuah pesawat kecil terhempas di timur laut negara itu, menurut pihak berkuasa pada Rabu, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Penerbangan domestik yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan milik kerajaan, Satena, itu dalam perjalanan dari

Cucuta ke Ocana sebelum terputus hubungan dengan kawalan lalu lintas udara hanya beberapa minit selepas berlepas.

Pesawat jenis Beechcraft 1900 itu terhempas di kawasan pergunungan di wilayah Norte de Santander, berhampiran sempadan dengan Venezuela.

"Hari ini seluruh negara berkabung," kata Menteri Pengangkutan Colombia Maria

Fernanda Rojas selepas Satena mengesahkan kematian kesemua 13 penumpang dan dua kru penerbangan.

Antara yang maut ialah penggubal undang-undang Colombia, Diogenes Quintero daripada Parti de la U yang merupakan wakil tempatan terkenal di wilayah Catatumbo di timur laut negara itu yang terjejas akibat konflik. - ©BERNAMA

## Kerajaan Republik Perancis terselamat dua undi tidak percaya berhubung isu belanjawan

**PARIS, 28 Jan.** - Kerajaan Republik Perancis pimpinan Perdana Menteri Sebastien Lecornu pada Selasa terselamat daripada dua undi tidak percaya berhubung isu belanjawan selepas wakil rakyat di Perhimpunan Kebangsaan menolak usul berkenaan, lapor Xinhua.

Usul itu difailkan secara berasingan pada Jumaat oleh kumpulan parlimen sayap kiri termasuk La France Insoumise, Kumpulan Kiri Demokratik dan Republikan (GDR) serta Ecologists, selain oleh parti sayap kanan Perhimpunan Nasional dan sekutunya, Union of the Right for the Republic (UDR), yang menuduh kerajaan

menyalahgunakan kuasa perlembagaan untuk memaksa belanjawan negara diluluskan di Parlimen.

Menurut Perhimpunan Kebangsaan, usul yang dikemukakan wakil rakyat sayap kiri memperoleh 267 undi, kurang 22 undi daripada 289 undi yang diperlukan untuk diluluskan.

Usul kedua yang dibentangkan wakil rakyat sayap kanan turut ditolak selepas menerima 140 undi, jauh di bawah ambang yang diperlukan untuk menjatuhkan kerajaan.

Belanjawan negara terdiri daripada dua komponen utama iaitu hasil dan perbelanjaan.

Lecornu pertama kali menggunakan Perkara 49.3 di

Perhimpunan Kebangsaan pada 20 Jan lepas bagi meluluskan bahagian hasil rang undang-undang belanjawan, dan sekali lagi menggunakan mekanisme itu bagi meluluskan bahagian perbelanjaan selepas kerajaan beliau terselamat daripada dua undi tidak percaya pada Jumaat.

Dengan undi tidak percaya diketepikan pada Selasa, rang undang-undang itu kini akan dibentangkan ke Senat sebelum dikembalikan semula ke Perhimpunan Kebangsaan untuk penggunaan Perkara 49.3 bagi kali ketiga dan terakhir, langkah yang dijangka diikuti oleh usul tidak percaya yang lain. - ©BERNAMA

## Republik Indonesia perketat saringan kesihatan di pintu masuk susulan risiko virus Nipah

**JAKARTA, 28 Jan.** - Pengembara antarabangsa yang tiba di Republik Indonesia kini tertakluk kepada saringan dan pemantauan kesihatan yang dipertingkatkan di pintu masuk negara itu, ketika pihak berkuasa memperhebat langkah berjaga-jaga bagi mencegah potensi penularan virus Nipah.

Ketua Pusat Kuarantin Kesihatan (BBKK) di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta Nanning Nugrahini berkata setiap pengembara kini diwajibkan mengemukakan pengisytiharan kesihatan sebelum tiba di Republik Indonesia melalui platform Olimnesia.

"Sama ada terdapat virus atau tidak, kami sememangnya mempunyai sistem Olimnesia.

Di dalamnya terdapat pengisytiharan kesihatan, justeru pengembara diminta mengisi status kesihatan mereka sebelum tiba di Indonesia bagi menilai keadaan fizikal mereka.

"Sekiranya terdapat pengembara dari negara terjejas, sebagai contoh kes kini banyak dilaporkan di India, kami mempunyai profil pesawat bagi penerbangan terus dari India ke Jakarta dan akan menilai sama ada terdapat individu bergejala. Jika ada, pegawai akan menaiki pesawat untuk menjalankan pemeriksaan lanjut," katanya seperti dilaporkan Agensi Berita ANTARA pada Selasa.

Nanning berkata pihak berkuasa lapangan terbang turut

menubuhkan pos pemeriksaan khas di kawasan terminal yang dilengkapi pengimbas haba, selain pegawai kesihatan menjalankan pemeriksaan visual terhadap penumpang.

Menurutnya, tahap pemantauan dan saringan akan diselaraskan secara dinamik selaras dengan perkembangan terkini.

Setakat ini, katanya, tiada kes virus Nipah dikesan di Republik Indonesia, namun pihak berkuasa kekal berwaspada.

Beliau berkata BBKK turut bekerjasama dengan pihak berkuasa kuarantin haiwan bagi mencegah penularan virus Nipah, yang boleh berpunca daripada haiwan seperti kelawar, monyet dan babi. - ©BERNAMA

## Timbalan Ketua Menteri Maharashtra maut dalam nahas pesawat

**NEW DELHI, 28 Jan.** - Timbalan Ketua Menteri Negeri Maharashtra di Republik India, Ajit Pawar dan empat yang lain maut pada Rabu apabila pesawat yang mereka naiki terlibat dalam kemalangan ketika cuba mendarat di Baramati, kira-kira 260 kilometer dari ibu negeri Mumbai.

Pesawat Bombardier Learjet 45 itu membawa lima individu, termasuk dua kru dan dua kakitangan yang mengiringi ahli politik berusia 66 tahun berkenaan.

Tiada mangsa yang terselamat, menurut Direktorat Am Penerbangan Awam India.

Video nahas yang tular di media sosial menunjukkan orang ramai berkumpul berhampiran serpihan pesawat yang masih berasap.

Ajit Pawar merupakan ahli politik terkemuka di Maharashtra, negeri terkaya di Republik India, dan merupakan sebahagian daripada barisan kepimpinan kerajaan negeri yang diterajui BJP, yang dibentuk selepas pilihan raya 2024

Pada 2023, beliau keluar daripada Parti Kongres Nasionalis (NCP) yang diasaskan oleh bapa saudaranya, Sharad Pawar, seorang veteran politik.

Ajit Pawar dipilih sebagai Ahli Parlimen Republik India bagi kawasan pilihan raya Baramati pada 1991 dan kemudiannya memenangi lapan pilihan raya dewan undangan negeri Maharashtra.

Beliau pernah berkhidmat sebagai timbalan ketua menteri sebanyak enam kali dan memegang pelbagai portfolio menteri dalam kerajaan yang berbeza. - ©BERNAMA

## Google setuju bayar penyelesaian US\$68 juta susulan dakwaan dengar perbualan secara rahsia

**ANKARA / ISTANBUL, 28 Jan.** - Google bersetuju membayar US\$68 juta bagi menyelesaikan satu saman yang difailkan di Mahkamah Persekutuan California, susulan dakwaan bahawa teknologi pembantu suaranya, Google Assistant, mendengar perbualan peribadi secara rahsia, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Saman yang difailkan pada 23 Jan itu mendakwa Google Assistant diaktifkan tanpa kebenaran pengguna dan merakam perbualan peribadi, yang kemudiannya dihantar ke pelayan Google.

Menurut aduan itu, peranti Android yang menggunakan Google Assistant direka untuk diaktifkan hanya selepas mengesan frasa pencetus seperti "Hey Google" atau "Okay Google", namun pembantu itu kadangkala diaktifkan secara tidak sengaja.

Walaupun Google memproses arahan suara dengan menghantar rakaman ke pelayannya, saman itu mendakwa pengaktifan tidak disengajakan menyebabkan pengumpulan dan penghantaran perbualan peribadi tanpa pengetahuan pengguna.

Ciri pembantu itu tersedia pada pelbagai peranti, termasuk telefon Google, pembesar suara pintar, komputer riba, tablet dan fon kepala tanpa wayar.

Google memaklumkan yang ia bersetuju membayar US\$68 juta bagi mengelakkan prosiding litigasi. Penyelesaian itu masih menunggu kelulusan Hakim Mahkamah Daerah Amerika Syarikat Beth Labson Freeman.

Dalam perkembangan berkaitan, pada 3 Jan, Apple turut bersetuju membayar US\$95 juta bagi menyelesaikan satu saman tindakan satu pihak yang mendakwa pembantu suara Siri mendengar perbualan peribadi dan melanggar privasi pengguna. - ©BERNAMA

# PAKAR REPUBLIK RAKYAT CHINA JALANKAN LATIHAN PENYAKIT TROPIKA DI ZANZIBAR



SEORANG pakar Republik Rakyat China menunjukkan pemeriksaan mikroskopik schistosomiasis di Pulau Pemba di Zanzibar, Tanzania, 28 Januari 2026.

**DAR ES SALAAM**, 30 Jan. - Pasukan pakar bagi projek pencegahan dan kawalan schistosomiasis Zanzibar yang dibantu oleh Republik Rakyat China telah menganjurkan kempen kesedaran dan kursus latihan diagnostik di Pulau Pemba di Zanzibar, Tanzania untuk memperingati Hari Penyakit Tropika Terabai (NTD) Sedunia 2026. Lebih 200 orang menghadiri acara tersebut pada hari Rabu, termasuk pegawai tempatan dari sektor kesihatan, air, pertanian dan

pendidikan, serta petugas penjagaan kesihatan akar umbi dan penduduk tempatan.

Ketua Pasukan Pakar Republik Rakyat China, Wang Wei, berkata aktiviti tersebut tertumpu pada pendidikan kesihatan untuk menggalakkan penyertaan komuniti dan mengurangkan risiko penularan di sumbernya.

Beliau menambah bahawa pakar-pakar juga menyediakan latihan khusus mengenai diagnosis 'schistosoma haematobium', dengan menggabungkan pengajaran teori dengan demonstrasi secara langsung untuk meningkatkan pengesanan awal dan ketepatan diagnostik.

Dengan menyatakan bahawa kawalan NTD adalah penting untuk keadilan kesihatan dan maruah manusia, Wang menyeru usaha berterusan ke arah perlindungan kesihatan sejagat dengan meningkatkan akses kepada air minuman dan sanitasi yang selamat, mengoptimalkan sanitasi alam sekitar, memperkukuh pendidikan dan promosi kesihatan, dan menggerakkan penyertaan sosial yang luas.

Penolong Penyelaras di Kementerian Kesihatan di Pulau

Pemba, Masoud Sleiman, memuji bantuan teknikal jangka panjang Republik Rakyat China.

Sleiman menyatakan bahawa pakar Republik Rakyat China telah menawarkan penyelesaian praktikal dalam pengawasan penyakit, pembinaan kapasiti

diagnostik dan strategi pencegahan, sekali gus memperkukuh sistem penjagaan kesihatan primer tempatan dengan berkesan. - ©XINHUA

## Malaysia terus mainkan peranan aktif terajui proses rundingan COC

**CEBU**, 30 Jan. - Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dan signifikan dalam menerajui proses rundingan Kod Tatalaku (COC) Laut China Selatan bagi memastikan ia dapat dimuktamadkan tahun ini melalui kerjasama serta persefahaman antara negara anggota ASEAN dan Republik Rakyat China, kata Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan.

Beliau berkata Malaysia sebagai negara penyelarar hubungan dialog ASEAN-China (Ogos 2024-Julai 2027), secara bersama dengan Republik Rakyat China telah mengambil inisiatif untuk memperbanyakkah mesyuarat pada tahun ini.

Ini termasuk Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN-China mengenai Pelaksanaan Deklarasi Tatalaku Pihak-Pihak Berkepentingan di Laut China Selatan (SOM-DOC) dan Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama ASEAN-China mengenai Pelaksanaan DOC (JWG-DOC).

"Pada sesi Permukiman Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) di Cebu, saya menekankan perlunya usaha berterusan memuktamadkan COC dalam garis masa yang ditetapkan.

"Hal ini adalah penting kerana kewujudan COC akan menyumbang kepada pengukuhkan kestabilan dan keamanan serantau," katanya kepada Bernama.

Mohamad berkata negara-negara anggota juga menyampaikan mesej jelas dan konsisten pada Sesi Permukiman ini iaitu mempercepat proses rundingan yang sedang berlangsung.

Mohamad berkata rundingan COC kini sudah mencapai tahap 70 peratus.

"Saya yakin COC boleh dimuktamadkan pada tahun ini," katanya.

Dalam satu kenyataan Pengerusi Permukiman Menteri-Menteri Luar ASEAN merangkap Setiausaha Hal Ehwal Luar Republik Filipina Ma. Theresa P. Lazaro berkata ASEAN menyambut baik momentum positif dan kemajuan dalam rundingan COC yang sedang berjalan.

"Kami akan berusaha untuk memuktamadkan rundingan COC yang berkesan dan substantif selaras dengan undang-undang antarabangsa, terutamanya UNCLOS 1982 (Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982) dalam tahun ini," katanya.

Permukiman AMM menandakan mesyuarat utama pertama di bawah tonggak Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN (APSC) semasa Kepengeruisan ASEAN 2026 oleh Republik Filipina yang diadakan di bawah tema "Mengemudi Masa Depan Kita, Bersama". - ©BERNAMA

## 4 maut dalam kejadian disyaki ahli keluarga membunuh sebelum bunuh diri di Australia Barat

**SYDNEY**, 30 Jan. - Empat individu maut dalam kejadian yang disyaki seorang ahli keluarga membunuh ahli keluarganya sebelum mengambil nyawanya sendiri di Australia Barat (WA), lapor Xinhua memetik polis pada Jumaat.

Pasukan Polis WA memaklumkan bahawa mayat seorang lelaki berusia 50 tahun, seorang wanita berusia 49 tahun serta dua remaja lelaki masing-masing berumur 14 dan 16 tahun ditemukan di sebuah kediaman di pinggir barat daya ibu negeri Perth pada pagi Jumaat.

Detektif Inspektor Jessica Securo memaklumkan bahawa polis menemui sekeping nota di lokasi kejadian dan kini menyiasat kes itu sebagai tindakan seorang daripada ahli keluarga yang membunuh mangsa lain sebelum membunuh diri sendiri.

Walaupun punca kematian belum didedahkan, polis mengesahkan tiada sebarang senjata digunakan dan tiada kesan keganasan fizikal ditemui pada mangsa.

Kejadian ini dipercayai mempunyai kaitan dengan tekanan hidup memandangkan kedua-dua anak remaja tersebut dilaporkan mengalami masalah kesihatan yang sangat serius.

Pihak polis juga mengesahkan bahawa keluarga berkenaan tidak pernah mempunyai sebarang rekod keganasan rumah tangga sebelum ini.

Kawasan perumahan tersebut kini ditutup sementara bagi membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan lanjut di tempat kejadian. - ©BERNAMA

## Astrazeneca jalin kerjasama dengan syarikat Republik Rakyat China untuk ubat turunkan berat

**LONDON**, 30 Jan. - AstraZeneca mendedahkan kerjasama dengan CSPC Pharmaceutical Group dari Republik Rakyat China bagi mempertingkatkan pembanguan ubat percubaan untuk penurunan berat badan dan diabetes dalam perjanjian bernilai USD18.5 bilion, ketika syarikat itu berhasrat untuk menembusi sektor yang sedang berkembang pesat, lapor PA Media/dpa.

Di bawah perjanjian itu, gergasi farmaseutikal FTSE 100 itu akan mempunyai akses kepada hak eksklusif global, di luar Republik Rakyat China, bagi portfolio teknologi dos sebulan sekali CSPC untuk pengurusan berat badan, menawarkan penyelesaian yang lebih mudah berbanding suntikan harian.

Kedua-dua syarikat juga akan bekerjasama dalam empat program tambahan menggunakan platform CSPC untuk teknologi bertindak panjang serta penemuan ubat peptida dipacu Kecerdasan Buatan (AI).

Sharon Barr, Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Penyelidikan serta Pembangunan Biofarmaseutikal di AstraZeneca berkata: "Kerjasama strategik ini

memajukan portfolio pengurusan berat badan kami dengan menyediakan aset baharu yang melengkapkan program sedia ada.

"Ia memberikan akses kepada keupayaan peptida dipacu AI dan teknologi platform proprietari CSPC, yang berpotensi mengubah rawatan obesiti, membantu mengatasi masalah kepatuhan dan kemudahan penggunaan sebagai halangan utama kejayaan terapi jangka panjang.

"Ini adalah langkah penting dalam mewujudkan portfolio pilihan mudah, berskala dan lestari yang boleh membantu individu dengan obesiti dan komplikasi berkaitan berat badan hidup lebih sihat dan lebih baik."

Dongchen Cai, pengerusi CSPC, menambah ia merupakan 'kerjasama menang-menang'.

Beliau berkata perjanjian itu akan membolehkan syarikat berkenaan 'menyediakan generasi rawatan seterusnya berdasarkan sains baharu, menggunakan platform teknologi kami dan keupayaan serta capaian pelengkap AstraZeneca, untuk merealisasikan manfaat kesihatan global bagi mereka yang memerlukan pengurusan berat

badan yang lebih baik'.

Perjanjian ini merupakan kerjasama terkini antara kedua-dua pihak yang sebelum ini telah bekerjasama dalam projek seperti AI.

Bagi akses kepada lapan program penurunan berat badan secara keseluruhan, AstraZeneca akan membayar CSPC USD1.2 bilion di awal, dengan sehingga tambahan USD17.3 bilion lagi sekiranya pencapaian pembanguan dan jualan dipenuhi.

Perjanjian ini dijangka selesai pada suku kedua tahun ini.

Langkah ini membolehkan AstraZeneca meningkatkan pelaburan dalam pasaran ubat penurunan berat badan dan diabetes yang berkembang pesat, yang sebelum ini didominasi oleh jenama blockbuster Mounjaro, Ozempic dan Wegovy.

Dianggarkan hampir tiga bilion orang di seluruh dunia mengalami obesiti atau berat badan berlebihan, menurut AstraZeneca.

Syarikat itu menyifatkan obesiti sebagai 'penyakit kronik, berulang, pelbagai faktor dan menyumbang kepada lebih 200 komplikasi'. - ©BERNAMA

## Ribuan guru di Republik Persekutuan Jerman lancar mogok menuntut gaji lebih baik

**BERLIN**, 30 Jan. - Kira-kira 12,000 guru dan pendidik melancarkan mogok di seluruh Republik Persekutuan Jerman pada Khamis bagi menuntut kenaikan gaji yang ketara, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Guru sekolah, pensyarah universiti serta pekerja lain dalam sektor pendidikan turun ke jalan

raya di lima bandar utama termasuk Berlin, menurut kesatuan guru GEW.

Kesatuan itu menuntut kenaikan gaji sebanyak tujuh peratus, dengan kenaikan minimum 300 (US\$358) sebulan, bagi guru dan pekerja pendidikan lain yang bekerja di bawah kerajaan negeri persekutuan Jerman.

Menurut GEW, seramai 3,500 pekerja menyertai protes di Berlin, manakala 3,000 lagi berhimpun di Leipzig dan 2,500 mengadakan demonstrasi di Hamburg.

Tindakan mogok selanjutnya dijangka berterusan sehingga pusingan ketiga rundingan gaji yang dijadualkan berlangsung pada 11 hingga 13 Februari. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



# BANTU MEMAJUKAN, MENINGKATKAN MUTU SUKAN BOLA JARING

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**KEJOHANAN** Bola Jaring Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32, Tahun 2025 anjuran Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam diadakan pada 30 Januari 2026, 1 dan 8 Februari 2026 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan Kejohanan Bola Jaring tersebut.

**BERAKAS**, Jumaat, 30 Januari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam (Brunei Netball Association - BNA) menganjurkan Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian - kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32, Tahun 2025 pada 30 Januari 2026, 1

dan 8 Februari 2026 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. Kejohanan berkenaan disertai oleh 10 kementerian terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Pendidikan, Kementerian

Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). Sebanyak dua kategori dipertandingkan pada kejohanan berkenaan, iaitu Kategori Terbuka dan Kategori Veteran. Kategori Terbuka disertai oleh 10 pasukan terdiri dari JPM, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian

Pertahanan, KHELN, KHEDN, Kementerian Pendidikan, KSSUP, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan dan KHEU. Sementara, Kategori Veteran disertai oleh tiga pasukan, iaitu KHEDN, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan. Antara lain tujuan kejohanan diadakan adalah sebagai projek pembangunan sukan bola jaring jangka masa panjang

dan berterusan, di samping meningkatkan usaha sama dan persefahaman dalam kalangan pegawai-pegawai di bawah kementerian masing-masing dalam memajukan dan meningkatkan mutu sukan bola jaring di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selain itu, kejohanan juga dapat menyiapkan pemain-pemain untuk membiasakan diri dengan suasana perlawanan bola jaring yang standard serta memberikan galakan dan dorongan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini supaya bergiat aktif dalam aktiviti sukan bola jaring di samping menarik minat dan memberikan keyakinan (*self-confidence*) kepada para pemain.

Penyertaan kejohanan dibukakan kepada semua pegawai dan kakitangan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan NBD.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian-kementerian sempena HPA berkenaan bagi sama-sama memeriahkan kejohanan dan memberi sokongan kepada pasukan yang bertanding.

## All England 2026 : Herry impi pertemuan Aaron-Wooi Yik dan Won Ho-Seung Jae di final

**KUALA LUMPUR**, 30 Jan. - Ketua jurulatih beregu lelaki negara Herry Iman Pierngadi mengimpikan pertemuan antara anak buahnya Aaron Chia-Soh Wooi Yik dan beregu lelaki nombor satu dunia Kim Won Ho-Seung Jae dari Republik Korea pada final All England 2026 di Birmingham, Mac ini.

Herry optimis Aaron-Wooi Yik yang juga naib juara edisi 2019 dan 2024 memiliki peluang mengatasi juara bertahan itu sekiranya beregu lelaki nombor satu negara tersebut dapat mengulangi persembahan diperagakan pada final Terbuka Malaysia 2026, baru-baru ini.

"Apa yang pasti perlu lihat undian dahulu namun saya harap kedua-dua pasangan dapat berjumpa lagi di final dan (Aaron-Wooi Yik) ada peluang."

"Jika dilihat pada aksi final Terbuka Malaysia 2026, Aaron-Wooi Yik buat kesisilapan mudah pada mata-mata akhir,

jika situasi itu tidak berlaku keputusan pasti berbeza," katanya kepada pemberita selepas sesi latihan di sinihari ini.

Pada 11 Januari lepas, pemenang dua kali pingat gangsa Sukan Olimpik itu tunduk kepada Won Ho-Seung Jae 15 - 21, 21 - 12, 18 - 21, pada aksi final Terbuka Malaysia 2026.

Keputusan tersebut menyaksikan Aaron-Wooi Yik tumpas dua kali dalam tiga pertemuan kepada pasangan nombor satu dunia itu.

Dalam pada itu, Herry berkata beliau memberi fokus menambah baik sesi latihan fizikal termasuk latihan kardio, kekuatan dan kepantasan menjelang Terbuka Jerman pada 24 Februari-1 Mac diikuti All England 2026 dari 3-8 Mac.

Beliau berkata respons daripada pemain beregu lelaki negara juga positif terhadap perubahan dilakukannya dalam sesi latihan fizikal dikendalikannya.

"Sejak saya menambah baik sesi latihan fizikal, saya lihat pemain lebih semangat untuk persediaan All England kali ini," katanya. - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**P**ENUBUHAN Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan baginda ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1436 Hijrah / 2015 Masihi pada 11 Rejab 1436 bersamaan 30 April 2015 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Antara tujuannya ialah untuk memberi peluang kepada orang ramai di negara ini khasnya umat Islam untuk sama-sama bertanam saham serta dapat turut menikmati manfaat akhirat yang sangat-sangat dihajati.

SUMBER : <https://www.mora.gov.bn/>

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

SAMA-SAMA BERUSAHA PERTINGKATKAN AMAL IBADAH DI BULAN SYAABAN MULIA